

BAB EMPAT

PENERIMAAN TERHADAP BUKU SASTERA TERBITAN DBP SARAWAK 1988-1998

4.1 Pengenalan

Bab ini akan cuba mengkaji kedudukan buku-buku sastera terbitan DBP Sarawak berbanding buku bidang lain. Kedudukan yang dimaksudkan dalam konteks kajian ini ialah sejauh manakah buku-buku sastera laris di pasaran, diperlukan dan berperanan di kalangan masyarakat di negeri Sarawak. Dalam masa yang sama pengkaji turut meneliti apakah prospek masa depan buku-buku sastera terbitan DBP Sarawak berbanding buku-buku dalam bidang lain.

Bagi mengkaji kedudukan buku-buku sastera terbitan DBP Sarawak 1988-1998 ini, pengkaji akan menggunakan empat kaedah:

- 4.1.1 Melalui data yang diperoleh daripada Borang Soal Selidik A dan B pada Bahagian 4 (Peranan dan Kedudukan Sastera).
- 4.1.2 Membuat perbandingan jumlah buku keluar dari kad BIN antara buku bidang sastera dengan bidang-bidang lain.
- 4.1.3 Menggunakan data yang diperoleh daripada borang soal selidik C yang khusus mengkaji perpustakaan sekolah yang terlibat dalam kajian ini. (Rujuk lampiran VIII)

4.2 Peranan dan kedudukan sastera di kalangan pelajar dan guru

Bagi mengkaji peranan dan kedudukan sastera di kalangan pelajar dan guru sebanyak 17 soalan telah dikemukakan dalam borang soal selidik A dan

B pada bahagian 4: Peranan dan kedudukan sastera. Soalan-soalan tersebut berkaitan dengan minat, jumlah karya yang dibaca, sebab-sebab membaca, bagaimana mendapat bahan bacaan, pendapat responden tentang peranan sastera, pendapat responden tentang masa depan sastera dan juga pendapat responden tentang keberkesanannya kurikulum sastera dan sukanata mata pelajaran sastera yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan.

Minat pelajar terhadap karya sastera ditunjukkan dalam jadual 4.2.1. Jadual itu menerangkan bahawa pelajar membaca karya sastera sebahagian disebabkan kerana keyakinan mereka terhadap peranan sastera dalam pembentukan keperibadian manusia. Ini dapat dilihat apabila 28% pelajar menyatakan mereka membaca karya sastera kerana menganggap sastera dapat membentuk minda positif. Sejumlah 22.8% pula membaca karya sastera kerana sastera sebagai salah satu bahan yang menghiburkan. Sementara itu, 20.6% pula menyatakan sastera sebagai sumber untuk mendapat ilmu. Selebihnya, 11% pelajar menyifatkan sastera dapat memenuhi masa lapang. Sejumlah 11% pelajar memberikan sebab sastera sebagai salah satu mata pelajaran di sekolah dan IPT. Seramai 1.4% pelajar memberikan sebab-sebab lain.

Berdasarkan jawapan yang diberikan oleh pelajar, terlihat kesedaran dan keyakinan di kalangan mereka bahawa sastera mempunyai peranan yang besar dalam pembentukan minda masyarakat. Pelajar turut mengakui dalam karya sastera terkandung ilmu yang dapat dimanfaatkan oleh pembaca. Hal ini turut ditegaskan oleh Othman Puteh yang menyatakan bahawa kelahiran sesuatu karya sastera itu lazimnya menyerlahkan kelestarian, rekreatif yang sering pula memuatkan upaya dan motivasi untuk

membantu dan menghantar insan melalui katarsis yang memungkinkan insan menemui hakikat keinsanan, lebih ceria, lebih bijaksana dan matang.¹

Bagaimanapun, jumlah pelajar yang membaca karya sastera semata-mata untuk mengisi masa lapang juga besar. Keadaan ini menjelaskan bahawa sastera bagi pelajar tersebut adalah satu alat yang mampu mengisi masa lapang apabila tiada perkara lain yang hendak dibuat. Jumlah yang sama iaitu 11% pelajar juga membaca karya sastera kerana sastera merupakan salah satu mata pelajaran yang diajarkan di sekolah atau IPT. Faktor ini memperlihatkan ada unsur keterpaksaan di kalangan pelajar dalam membaca karya sastera. Ini terutamanya mungkin bagi pelajar yang mengambil subjek sastera di sekolah. Mereka perlu membaca karya sastera kerana keperluan peperiksaan. Faktor ini juga memperlihatkan bahawa minat dan kesungguhan pelajar terhadap sastera adalah tidak begitu memberangsangkan.

Hal ini dapat dikaitkan dengan satu kajian yang dibuat oleh Mohd. Fadzil Hassan yang mendapati 26% pelajar yang mengambil mata pelajaran sastera adalah tidak berminat dengan mata pelajaran sastera. Kajian ini dijalankan ke atas beberapa sekolah di negeri Sembilan.² Unsur-unsur keterpaksaan membaca karya sastera ini menggambarkan minat yang tidak bersungguh-sungguh pelajar berkenaan terhadap sastera.

¹Othman Puteh, *Pergisian Dunia Sastera*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 1995, hlm. 34.

²Borhan Md. Zain, "Kaedah 4 Mat Dalam Pengajaran-pembelajaran Kesusasteraan Melayu" dlm. *Pengajaran Sastera*, Othman Puteh (Penyelenggara), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 1996 hlm. 105.

Jadual 4.2.1 Faktor-faktor mengapa pelajar membaca karya sastera

FAKTOR	JUMLAH	PERATUS
Sastera sebagai sumber mendapat ilmu	103	20.6
Sastera sebagai salah satu bahan yang menghiburkan	114	22.8
Sastera boleh membentuk minda positif	140	28
Sastera dapat memenuhi masa lapang	55	11
Sastera sebagai salah satu mata pelajaran di sekolah/IPT	55	11
Didorong oleh keluarga/kawan/guru/pensyarah/ketua jabatan	26	5.2
Lain-lain	7	1.4
	500	100

Jadual 4.2.2 pula memaparkan faktor guru membaca karya sastera.

Guru juga mempunyai kesedaran dan keyakinan bahawa membaca karya sastera mampu membentuk keperibadian masyarakat. Sejumlah 39.58% guru menyatakan mereka membaca karya sastera kerana sastera adalah sebagai sumber untuk mendapat ilmu dan 22.9% guru menyatakan sastera boleh membentuk minda positif. Ini menunjukkan bahawa kalangan guru percaya bahawa sastera bukanlah semata-mata hasil seni tetapi juga sebagai wadah yang mampu menyampaikan pengetahuan kepada pembaca.

Sejak zaman dahulu lagi, terutamanya dalam konteks tradisi lisan, sastera bukanlah ilmu yang tersendiri yang tiada hubung kaitnya dengan pelbagai disiplin hidup. Sastera saling melengkapi, saling mengisi walaupun

mungkin fungsi dan motifnya lebih terarah kepada kepuasan emosi di samping sebagai iktibar yang berupaya diangkat dalam pembentukan sahsiah yang didaktif sifatnya.³

Guru juga didapati membaca karya sastera kerana mereka percaya bahawa sastera sebagai salah satu bahan yang menghiburkan. Sejumlah 27.5% guru membaca karya sastera kerana faktor ini. Peratusan yang agak tinggi ini memberikan gambaran bahawa guru berada dalam sastera terselit unsur-unsur yang mampu memberikan keseronokan kepada emosi mereka. Ini dapat dikaitkan dengan 6.25% guru membaca karya sastera untuk mengisi masa lapang mereka. Keadaan ini menunjukkan unsur-unsur keseronokan dan kepuasan memberikan pengaruh yang agak besar kepada guru untuk membaca karya sastera.

Hanya 3.75% guru membaca karya sastera disebabkan oleh faktor sastera adalah salah satu mata pelajaran di sekolah/IPT. Peratusan yang kecil ini mungkin disebabkan oleh pengalaman, usia dan pengetahuan guru yang lebih matang berbanding pelajar. Guru dengan pengalaman sedia ada dapat melihat peranan sastera dalam konteks yang lebih luas. Tidak ada guru yang membaca karya sastera kerana faktor-faktor lain.

³Othman Puteh, *Pengisian Dunia Sastera*, hlm. 16.

Jadual 4.2.2 Faktor-faktor mengapa guru membaca karya sastera

FAKTOR	JUMLAH	PERATUS
Sastera sebagai sumber mendapat ilmu	95	39.58
Sastera sebagai salah satu bahan yang menghiburkan	66	27.5
Sastera boleh membentuk minda positif	55	22.9
Sastera dapat memenuhi masa lapang	15	6.25
Sastera sebagai salah satu mata pelajaran di sekolah/IPT	9	3.75
Didorong oleh keluarga/kawan/guru/pensyarah/ketua jabatan	-	-
Lain-lain	-	-
	240	100

Jadual di atas memperlihatkan kesedaran dan keyakinan responden bahawa sastera sememangnya mempunyai peranan yang cukup penting. Responden mengakui sastera berupaya membentuk minda positif dan juga merupakan wadah bagi menyampaikan ilmu atau pengetahuan tertentu. Responden juga tertarik membaca karya sastera kerana sastera mampu memberi keseronokan dan hiburan emosi dan akal pembaca.

Kesedaran dan keyakinan pelajar terhadap peranan sastera sebagai sumber mendapatkan ilmu ini juga pernah ditegaskan oleh S.H. Nasr. Beliau menyatakan sastera adalah satu bentuk ilmu. Ilmu ini serpihan sifatnya, tetapi ikhlas tulus dan asli. Ia dikatakan serpihan kerana ia hanya pengalaman individu terhadap realiti. Disebabkan individu hanya seorang manusia biasa maka pengalamannya tidak mungkin penuh dan sempurna.⁴

⁴Nasr, S.H. "Falsafah Kesusasteraan dan Seni Halus" (terjemahan) Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1989, hlm. 37.

Bagi melihat sejauh manakah pelajar berminat dalam bidang sastera, pengkaji meneliti kadar minat pelajar terhadap karya sastera secara umum. Daripada penelitian ini didapati bahawa walaupun pelajar mempunyai kesedaran dan keyakinan yang tinggi terhadap peranan sastera dalam pembentukan minda positif pembaca, hanya 36% pelajar benar-benar memahami dan menyedari sastera mampu menyumbangkan pemikiran dan idea berasaskan faedah kehidupan seharian. Maka dengan kesedaran itu mereka membaca karya sastera. Sebanyak 39.8% pelajar sekadar membaca beberapa karya pada masa lapang. Sejumlah 16.2% pelajar pula membaca karya sastera sekadar untuk keperluan peperiksaan; 6% pelajar lagi sekadar menonton drama/teater pada masa lapang; 2.2% pelajar meminati sastera sebagai subjek pelengkap mereka di IPT; 1% pelajar meminati sastera sebagai salah satu kegiatan kokurikulum di sekolah/IPT dan 1% memberi jawapan lain-lain. Ringkasan butir-butir minat pelajar terhadap sastera dipaparkan dalam jadual 4.2.3.

Keadaan ini menjelaskan bahawa secara keseluruhannya hanya 36% pelajar yang mempunyai minat yang benar-benar luhur (ideal) terhadap sastera. Selebihnya pula meminati sastera sekadar untuk mengisi masa lapang, untuk keperluan kegiatan kokurikulum, subjek pelengkap di IPT dan keperluan peperiksaan di IPT/sekolah. Terdapat ketidakselarasan antara keyakinan dan kesedaran pelajar terhadap peranan sastera dengan minat sebenar mereka terhadap sastera. Dengan kata lain, pelajar yakin sastera memberikan kebaikan tetapi malangnya mereka tidak membaca atau menghayati sastera secara bersungguh-sungguh.

Jadual 4.2.3 Kadar minat sebenar pelajar terhadap sastera

KADAR MINAT	JUMLAH	PERATUS
Sekadar membaca beberapa karya pada masa lapang	199	39.8
Sekadar menonton drama/teater pada masa lapang	30	6
Sekadar untuk peperiksaan di sekolah	81	16.2
Sekadar subjek pelengkap di IPT	11	2.2
Sekadar salah satu kegiatan kokurikulum di sekolah/IPT	5	1
Benar-benar memahami dan menyedari sastera mampu menyumbang pemikiran dan idea bernes untuk faedah kehidupan seharian	180	36
Lain-lain	5	1
	500	100

Jadual 4.2.4 pula menunjukkan minat sebenar guru terhadap sastera.

Di kalangan guru, sejumlah 76.66% meminati sastera dengan sekadar membaca beberapa karya sastera pada masa lapang. Ini jelas menunjukkan minat sebenar guru terhadap sastera amat tidak baik. Mungkin kerana inilah guru juga agak kurang membaca karya sastera.

Hanya 14.58% guru yang menyatakan mereka benar-benar memahami dan menyedari sastera mampu menyumbangkan pemikiran dan idea bernes untuk faedah kehidupan seharian. Keadaan ini menunjukkan bahawa guru tidak menganggap sastera sebagai satu keperluan yang utama, bahkan sekadar bahan pengisi masa lapang mereka semata-mata. Ini turut disokong dengan 2.08% guru sekadar menonton drama/teater pada masa lapang dan 5.41% pula meminati sastera sekadar untuk peperiksaan.

Ternyata minat sebenar yang tidak begitu mendalam guru terhadap sastera memberikan kesan kepada pembacaan dan penghayatan mereka terhadap karya sastera. Dalam perkara ini Othman Puteh menyatakan kekecewaannya terhadap sebilangan guru terutamanya guru sastera yang tidak mempunyai minat dan pengetahuan yang mendalam terhadap sastera berbanding pelajar.⁵

Jadual 4.2.4 Kadar minat sebenar guru terhadap sastera

KADAR MINAT	JUMLAH	PERATUS
Sekadar membaca beberapa karya pada masa lapang	184	76.66
Sekadar menonton drama/teater pada masa lapang	5	2.08
Sekadar untuk peperiksaan di sekolah	13	5.41
Sekadar subjek pelengkap di IPT	-	-
Sekadar salah satu kegiatan kokurikulum di sekolah/IPT	-	-
Benar-benar memahami dan menyedari sastera mampu menyumbang pemikiran dan idea berasal untuk faedah kehidupan seharian	35	14.58
Lain-lain	3	1.25

Kadar atau jumlah buku sastera yang dibaca oleh pelajar ditunjukkan dalam jadual 4.2.5. Didapati bahawa hanya 6% pelajar yang membaca lebih daripada 15 buah buku; 13.4% lagi membaca sekitar 10 buah buku dan

⁵Lihat Othman Puteh, *Pengisian Dunia Sastera*, hlm. 105.

15.6% membaca sekitar 5 buah buku; 8.6% pelajar pula membaca hanya sebuah buku/novel.

Sejumlah 56% pelajar hanya membaca beberapa buah cerpen/puisi/drama/kritikan sastera. Ini menunjukkan bahawa lebih separuh pelajar hanya membaca beberapa buah karya eceran. Keadaan ini dengan jelas menggambarkan minat sebenar pelajar terhadap sastera. Pelajar tidak banyak membaca karya sastera walaupun menyedari sastera mampu menyampaikan pengetahuan, pendidikan dan hiburan. Minat pelajar terhadap sastera terutamanya bagi pelajar yang mengambil subjek sastera menurut Ibrahim Haji Salleh ada kaitannya dengan kaedah pengajaran kesusasteraan Melayu di sekolah.⁶ Pelajar tidak begitu berminat terhadap sastera kerana kaedah pengajaran yang masih lagi berlandaskan bacaan, kefahaman dan syaran.

Peratusan yang rendah iaitu hanya 6% pelajar yang membaca lebih daripada 15 buah buku sastera juga satu petunjuk jelas bahawa pelajar tidak banyak membaca buku sastera. Bahkan bagi pelajar mengatakan mereka membaca lebih daripada 15 buah buku sastera ini mungkin termasuk buku-buku yang menjadi teks wajib untuk subjek sastera. Jika hal ini berlaku, maka keadaan sebenar iaitu kadar pembacaan buku sastera adalah lebih membimbangkan.

⁶Borhan Md. Zain, "Kaedah 4 Mat Dalam Pengajaran-pembelajaran kesusasteraan Melayu" hlm. 105.

Jadual 4.2.5 Jumlah buku sastera yang dibaca oleh pelajar

KADAR BUKU SASTERA YANG DIBACA	JUMLAH	PERATUS
Beberapa buah cerpen/puisi/drama/kritikan sastera	280	56
Sebuah buku/novel	43	8.6
Sekitar lima buah buku	78	15.6
Sekitar sepuluh buah buku	69	13.4
Lebih daripada lima belas buah buku	30	6
	500	100

Jadual 4.2.6 pula menunjukkan kadar atau jumlah sebenar buku sastera yang dibaca oleh guru. Di kalangan guru, kadar pembacaan mereka adalah lebih baik. Sejumlah 33.33% guru membaca lebih daripada 15 buah buku; 10% guru membaca sekitar sepuluh buah buku; 8.33% guru membaca sekitar 5 buah buku; dan 49.33% lagi hanya membaca beberapa buah cerpen/puisi/drama/kritikan sastera.

Keadaan pembacaan guru yang lebih baik berbanding pelajar mungkin disebabkan semasa di maktab perguruan atau di pusat pengajian tinggi guru-guru berkenaan ada mengambil kertas atau subjek sastera yang memerlukan mereka mengkaji teks sastera. Ini mungkin juga bagi guru sastera, mereka terpaksa membaca buku-buku rujukan lain sebagai bahan bacaan tambahan bagi memantapkan pengajaran mereka di sekolah.

Jadual 4.2.6 Jumlah buku sastera yang dibaca oleh guru

JUMLAH BUKU SASTERA YANG DIBACA	JUMLAH	PERATUS
Beberapa buah cerpen/puisi/drama/kritikan sastera	116	48.33
Sebuah buku/novel	-	-
Sekitar lima buah buku	20	8.33
Sekitar sepuluh buah buku	24	10
Lebih daripada lima belas buah buku	80	33.33
	240	100

Sumber bagi pelajar memperoleh buku-buku sastera untuk dibaca, dipaparkan dalam jadual 4.2.7. Sebahagian besar pelajar iaitu 53.8% memperoleh buku untuk bacaan dengan cara meminjam daripada perpustakaan 19.4% pelajar meminjam daripada kawan/ahli keluarga/guru/pensyarah 3.2% pelajar memperoleh buku sastera melalui hadiah daripada pihak tertentu dan 23.6% pelajar pula membelinya sendiri.

Cara pelajar memperoleh buku sastera untuk bacaan menunjukkan bahawa perpustakaan merupakan sumber utama pelajar. Bagi pelajar perpustakaan sekolah menjadi tumpuan mereka. Maka dapat diandaikan bahawa jika sesebuah perpustakaan tidak memiliki koleksi buku sastera yang banyak atau buku sastera terbitan terkini, sudah pasti pembacaan buku di kalangan pelajar juga akan terbatas. Inilah yang mungkin menyebabkan mengapa pelajar tidak banyak membaca buku sastera.

Begitupun, jumlah pelajar yang membeli buku sastera di kedai agak besar iaitu sebanyak 23.6%. Ini merupakan petanda positif di kalangan pelajar yang mempunyai kesungguhan untuk membaca buku sastera dengan

daya usaha sendiri tanpa bergantung pada perpustakaan. Pelajar ini mungkin mempunyai koleksi buku sastera sendiri jika mereka sentiasa membeli buku untuk tujuan bacaan.

Jadual 4.2.7 Cara memperoleh buku sastera untuk bacaan di kalangan pelajar

CARA MEMPEROLEHI BUKU	JUMLAH	PERATUS
Membeli di kedai buku	118	23.6
Meminjam daripada perpustakaan	269	53.8
Meminjam daripada kawan/ahli keluarga/guru/pensyarah	97	19.4
Dihadiahkan oleh orang/pihak tertentu	16	3.2
	500	100

Bagi guru, perpustakaan juga merupakan sumber utama mereka memperoleh buku sastera untuk bacaan. Sejumlah 54.16% guru memperoleh buku dengan cara ini. Bagaimanapun, jumlah guru yang membeli sendiri buku di kedai untuk bacaan juga adalah agak besar iaitu sebanyak 30.41%. Baki 13.75% guru meminjam daripada kawan/ahli keluarga/guru/pensyarah untuk bacaan dan 1.66% lagi memperolehi buku sastera melalui hadiah oleh orang/pihak tertentu. Ringkasan cara memperoleh buku untuk bacaan atau rujukan di kalangan guru dipaparkan dalam jadual 4.2.8.

Guru lebih komited berbanding pelajar kerana peratusan mereka membeli sendiri buku di kedai adalah agak tinggi iaitu 30.41%. Walaupun jumlah serta kekerapan mereka membeli buku tidak dapat dipastikan dalam kajian ini, diyakini bahawa mereka sudah memperlihatkan minat yang

mendalam terhadap sastera. Daya beli yang agak tinggi kalangan guru mungkin disebabkan oleh mereka mempunyai pendapatan sendiri. Pelajar sebahagian besarnya perlu mengharapkan wang pemberian penjaga mereka.

Jadual 4.2.8 Cara memperoleh buku sastera untuk bacaan/rujukan di kalangan guru

CARA MEMPEROLEHI BUKU	JUMLAH	PERATUS
Membeli di kedai buku	73	30.41
Meminjam daripada perpustakaan	130	54.16
Meminjam daripada kawan/ahli keluarga/guru/pensyarah	33	13.75
Dihadiahkan oleh orang/pihak tertentu	4	1.66
	240	100

Responden juga ditanya tentang peruntukan atau wang khas untuk membeli buku. Kajian ini mendapati 60.6% pelajar hanya memperuntukkan wang mereka untuk membeli buku bergantung pada keperluan semasa. Ini menunjukkan bahawa pelajar hanya membeli buku hanya apabila ada keperluan yang mendesak. Pembelian ini pula tidak tetap, bergantung pada keadaan.

Sejumlah 35.2% pelajar pula tidak mempunyai duit khas untuk membeli buku. Keadaan ini menggambarkan pelajar berkenaan sebenarnya tidak mempunyai minat membaca yang tinggi serta berasa membeli buku bukan satu keperluan yang mendesak berbanding keperluan-keperluan lain seperti makanan, pakaian dan hiburan.

Hanya 0.8% pelajar yang mempunyai duit khas sebanyak sekitar RM60 hingga RM100 sebulan untuk membeli buku. Baki 3.4% lagi memperuntukkan sejumlah sekitar RM10 hingga RM50 sebulan untuk membeli buku. Jumlah pelajar yang mempunyai duit khas untuk membeli buku adalah amat sedikit. Bahkan bagi pelajar yang mempunyai duit khas untuk membeli buku ini pun belum pasti mereka menggunakan duit tersebut untuk membeli buku-buku sastera. Mungkin mereka lebih cenderung membeli buku rujukan untuk peperiksaan yang mereka duduki. Ringkasan data duit khas untuk membeli buku di kalangan pelajar dipaparkan dalam jadual 4.2.9.

Jadual 4.2.9 Jumlah duit bulanan untuk membeli buku di kalangan pelajar

JUMLAH PERUNTUKKAN	JUMLAH	PERATUS
Sekitar RM10-RM50 sebulan	17	3.4
Sekitar RM60-RM100 sebulan	4	0.8
Sekitar RM100 ke atas sebulan	-	-
Bergantung kepada keperluan semasa	303	60.6
Tidak ada duit khas untuk membeli buku	176	35.2
	500	100

Bagi guru pula, 53.33% memperuntukkan wang untuk membeli buku bergantung pada keperluan semasa. Ini juga menunjukkan lebih separuh guru tidak mempunyai minat serta kesedaran yang tinggi untuk membeli buku. Ini ditambah lagi apabila 35.41% guru memang tidak ada duit khas untuk membeli buku. Pembelian buku yang tidak konsisten ini menunjukkan

minat membaca yang rendah serta budaya mencari ilmu yang tidak memberangsangkan di kalangan guru.

Hanya 11.25% guru mempunyai duit khas iaitu sekitar RM10 hingga RM50 sebulan untuk membeli buku. Keadaan yang sama mungkin berlaku iaitu, tidak semua duit tersebut digunakan untuk membeli buku-buku sastera. Guru mungkin menggunakan duit tersebut untuk membeli buku rujukan untuk bantuan pengajaran di sekolah. Ringkasan data duit khas untuk membeli buku di kalangan guru dipaparkan dalam jadual 4.2.10.

Kekurangan minat membeli buku di kalangan pelajar mungkin kerana faktor tiada duit dan terpaksa bergantung pada pemberian penjaga atau ibu bapa. Bagaimanapun masalah tiada duit ini mungkin tidak terlalu mendesak bagi sebahagian guru. Ini menjelaskan bahawa minat kedua-dua responden terhadap budaya membaca dan seterusnya keperluan untuk membeli buku adalah rendah.

Jadual 4.2.10 Jumlah duit bulanan untuk membeli buku di kalangan guru

JUMLAH PERUNTUKKAN BULANAN	JUMLAH	PERATUS
Sekitar RM10-RM50 sebulan	27	11.25
Sekitar RM60-RM100 sebulan	-	-
Sekitar RM100 ke atas sebulan	-	-
Bergantung pada keperluan semasa	128	53.33
Tidak ada duit khas untuk membeli buku	85	35.4
	240	100

Sebahagian besar pelajar memberikan jawapan yang positif berkaitan keyakinan pelajar terhadap bidang sastera dapat menjamin masa depan dari aspek mencari pekerjaan atau kerjaya. Sejumlah 58.2% pelajar yakin bidang

sastera dapat menjamin masa depan dari sudut untuk mendapat pekerjaan atau kerjaya. Bahkan 11.6% pelajar pula mengatakan mereka amat yakin. Sejumlah 14.4% berpendapat mereka kurang yakin sastera dapat menjamin masa depan dari sudut kerjaya dan 4.8% pelajar pula tidak yakin sastera dapat menjamin masa depan dalam bidang kerjaya. Baki 11 pelajar lagi memberikan jawapan ‘tidak pasti’. Ringkasan data keyakinan pelajar terhadap bidang sastera ditunjukkan dalam jadual 4.2.11.

Berdasarkan jawapan yang diberikan oleh pelajar ini dapat dikatakan bahawa mereka begitu percaya bidang sastera boleh menjamin masa depan dari sudut peluang pekerjaan. Ini menggambarkan peranan sastera pada pelajar adalah masih berpengaruh hingga dapat dianggap sastera mampu menjamin masa depan dalam bidang kerjaya mereka.

Jadual 4.2.11 Keyakinan pelajar terhadap bidang sastera dari sudut mencari pekerjaan

TAHAP KEYAKINAN	JUMLAH	PERATUS
Sangat yakin	58	11.6
Yakin	291	58.2
Kurang yakin	72	14.4
Tidak yakin	24	4.8
Tidak pasti	55	11
	500	100

Guru juga menaruh keyakinan yang tinggi terhadap bidang sastera dari sudut mencari pekerjaan kerana 43.75% guru berkeyakinan demikian. Malah 7.08% lagi mengatakan mereka amat yakin bidang sastera mampu menjamin

masa depan dalam mencari pekerjaan. Bagaimanapun, 32.5% guru mengatakan mereka kurang yakin sastera dapat menjamin masa depan dari sudut mencari pekerjaan, seramai 14.16% memberikan jawapan tidak pasti dan hanya 2.5% guru yang menyatakan mereka tidak yakin. Ringkasan keyakinan pelajar terhadap bidang sastera ditunjukkan dalam jadual 4.2.12.

Berdasarkan jawapan yang diberikan oleh guru, mereka juga memberikan pandangan yang positif terhadap peranan sastera dalam menjamin masa depan dari sudut kerjaya. Keyakinan ini timbul mungkin kerana guru lebih memahami bahawa bidang sastera adalah amat luas yang mencakupi seluruh ilmu kemanusiaan yang berkaitan langsung dengan bidang pekerjaan.

Jadual 4.2.12 Keyakinan guru terhadap bidang sastera dari sudut mencari pekerjaan

TAHAP KEYAKINAN	JUMLAH	PERATUS
Sangat yakin	17	7.68
Yakin	105	43.75
Kurang yakin	78	32.5
Tidak yakin	6	2.5
Tidak pasti	34	14.16
	240	100

Jadual 4.2.13 memaparkan pandangan pelajar berkaitan keyakinan mereka terhadap peranan sastera dalam membentuk manusia menjadi insan yang berbudi dan berakhhlak mulia. Kajian ini mendapati 28% pelajar mengakui mereka amat yakin bidang sastera mampu membentuk manusia

menjadi insan yang berbudi dan berakhlak mulia, sejumlah 54.6% lagi menyatakan mereka yakin, berbanding 3% pelajar menyatakan mereka tidak yakin, 9.6% pelajar kurang yakin dan 4.8% lagi tidak pasti. Jawapan yang diberikan oleh pelajar berkaitan kemampuan bidang sastera dalam membentuk keperibadian manusia ini menunjukkan tahap keyakinan yang amat tinggi. Maka ini adalah petanda bahawa bidang sastera masih lagi memainkan peranan yang penting pada pandangan pelajar.

Jadual 4.2.13 Keyakinan pelajar terhadap bidang sastera dalam membentuk manusia menjadi insan yang berbudi dan berakhlak mulia

TAHAP KEYAKINAN	JUMLAH	PERATUS
Sangat yakin	140	28
Yakin	273	54.6
Kurang yakin	48	9.6
Tidak yakin	15	3
Tidak pasti	24	4.8
	500	100

Jadual 4.2.14 pula menunjukkan tahap keyakinan guru terhadap kemampuan bidang sastera dalam membentuk manusia menjadi manusia yang berbudi dan berakhlak manusia. Seperti pelajar, guru juga menaruh keyakinan yang tinggi terhadap kemampuan bidang sastera. Sejumlah 72.5% guru yakin dan 13.75 guru menyatakan mereka amat yakin bidang sastera mampu membentuk manusia menjadi insan yang berbudi dan berakhlak mulia.

Hanya 5.4% guru yang menyatakan mereka tidak yakin kemampuan sastera dalam membentuk manusia menjadi insan yang berbudi dan

berakhlak mulia. Baki 2.9% guru lagi memberikan jawapan tidak pasti. Ternyata guru juga keseluruhannya mempunyai keyakinan yang amat positif terhadap peranan bidang sastera dalam membentuk manusia menjadi insan yang berbudi dan berakhlak mulia. Ini juga satu harapan bahawa kedudukan sastera sebagai pembentuk keperibadian mulia masyarakat masih untuh biarpun pada era Malaysia menjadi negara maju menjelang tahun 2020.

Jadual 4.2.14 Keyakinan guru terhadap bidang sastera dalam membentuk manusia menjadi insan yang berbudi dan berakhlak manusia

TAHAP KEYAKINAN	JUMLAH	PERATUS
Sangat yakin	33	13.7
Yakin	174	72.5
Kurang yakin	13	5.4
Tidak yakin	13	5.4
Tidak pasti	7	2.9
	240	100

Keperluan kegunaan bidang sastera dalam kehidupan seharian sebagaimana bidang sains dan ekonomi ditunjukkan dalam jadual 4.2.15. Jawapan yang diberikan oleh pelajar adalah amat positif. Sejumlah 50% pelajar yakin bahawa bidang sastera mempunyai kegunaan dalam kehidupan seharian seperti mana bidang sains dan ekonomi. Seramai 20% pelajar mengatakan mereka amat yakin kepada kegunaan sastera dalam kehidupan seharian. Baki 11% pelajar lagi memberikan jawapan tidak pasti.

Hanya 4.8% pelajar yang menyatakan mereka tidak yakin bahawa bidang sastera mempunyai kegunaan dalam kehidupan seharian seperti mana bidang sains dan ekonomi. Selebihnya 14.2% pelajar memberi

jawaban bahawa mereka kurang yakin akan kemampuan bidang sastera berguna dalam kehidupan seharian. Ini menunjukkan bahawa keseluruhannya 70% pelajar menaruh keyakinan bahawa bidang sastera mempunyai kegunaan dalam kehidupan seharian seperti mana bidang sains dan ekonomi. Maka dari sudut ini, pelajar memahami bahawa peranan dan fungsi sastera dalam kerja-kerja sehari-hari adalah masih penting dan relevan.

Jadual 4.2.15 Tahap keyakinan pelajar terhadap kegunaan sastera dalam kehidupan seharian

KADAR KEYAKINAN	JUMLAH	PERATUS
Sangat yakin	100	20
Yakin	250	50
Kurang yakin	71	14.2
Tidak yakin	24	4.8
Tidak pasti	55	11
	500	100

Dalam jadual 4.2.16 pula ditunjukkan kadar keyakinan guru terhadap kegunaan bidang sastera dalam kehidupan seharian seperti mana kegunaan bidang sains dan ekonomi. Jawapan yang diberikan oleh guru adalah lebih memberangsangkan. Sebanyak 27.91% menyatakan bahawa mereka amat yakin bidang sastera mempunyai kegunaan dalam kehidupan seharian seperti kegunaan bidang sains dan ekonomi. Sejumlah 58.33% lagi memberikan jawapan bahawa mereka yakin sastera mempunyai kegunaan dalam kehidupan seharian. Keadaan ini dengan jelas menunjukkan keyakinan guru

terhadap kemampuan bidang sastera dalam urusan harian kehidupan adalah tinggi.

Kajian ini juga mendapat hanya 2.08% guru yang menyatakan bahawa mereka tidak yakin bidang sastera mempunyai kegunaan dalam kehidupan sehari-hari seperti mana bidang sains dan ekonomi. Seramai 10% menyatakan mereka tidak yakin dan 1.66% lagi memberikan jawapan mereka tidak pasti sama ada bidang sastera mempunyai kegunaan dalam kehidupan sehari-hari. Ketidakyakinan sesetengah guru terhadap kemampuan bidang sastera mungkin disebabkan pemahaman mereka terhadap sastera hanya terbatas kepada cereka.

Jadual 4.2.16 Tahap keyakinan guru terhadap kegunaan bidang sastera dalam kehidupan sehari-hari

TAHAP KEYAKINAN	JUMLAH	PERATUS
Sangat yakin	67	27.91
Yakin	140	58.33
Kurang yakin	24	10
Tidak yakin	5	2.08
Tidak pasti	4	1.66
	240	100

Tahap keyakinan pelajar terhadap keupayaan bidang sastera tetap dapat memainkan peranan dalam wawasan 2020 era Malaysia menjadi negara perindustrian sepenuhnya dipaparkan dalam jadual 4.2.17. Jawapan yang diberikan oleh pelajar adalah konsisten, iaitu hampir sama dengan jawapan yang diberikan terhadap soalan kegunaan sastera dalam kehidupan sehari-hari. Seramai 17% pelajar menyatakan bahawa mereka amat yakin

bidang sastera tetap dapat memainkan peranannya dalam wawasan 2020 iaitu ketika era Malaysia menjadi negara perindustrian sepenuhnya. Sebanyak 50.2% memberikan jawapan bahawa mereka yakin keupayaan bidang sastera dalam era tersebut.

Jumlah pelajar yang tidak yakin bahawa bidang sastera tetap dapat memainkan peranan dalam wawasan 2020 iaitu era Malaysia menjadi negara perindustrian sepenuhnya hanya 3.8%. Selebihnya 14.8% menyatakan mereka kurang yakin dan 14.2% menyatakan mereka tidak pasti. Peratusan yang agak besar di kalangan pelajar yang tidak pasti disebabkan oleh ketidakmampuan pelajar melihat dan meramal kemungkinan-kemungkinan yang berlaku pada masa depan. Perkara ini ada kaitannya dengan faktor usia pelajar masih muda dan pengalaman yang masih mentah.

Jadual 4.2.17 Tahap keyakinan pelajar terhadap peranan bidang sastera pada era tahun 2020

TAHAP KEYAKINAN	JUMLAH	PERATUS
Sangat yakin	87	17
Yakin	251	50.2
Kurang yakin	74	14.8
Tidak yakin	19	3.8
Tidak pasti	71	14.2
	500	100

Dalam jadual 4.2.18 pula dipaparkan tahap keyakinan guru terhadap peranan bidang sastera pada era 2020 iaitu ketika Malaysia menjadi negara perindustrian sepenuhnya. Guru juga mempunyai keyakinan yang tinggi bahawa sastera tetap dapat memainkan peranannya dalam era 2020. Ini

dapat dilihat apabila 77.5% guru yakin dan 9.16% guru amat yakin akan kemampuan sastera pada era tersebut.

Tidak ada guru yang menyatakan bahawa mereka tidak yakin bidang sastera tetap dapat memainkan peranan dalam era 2020. Hanya 10.83% guru yang memberikan jawapan kurang yakin dan 2.5% menyatakan mereka tidak pasti sama ada bidang sastera tetap memainkan peranan pada era 2020 iaitu ketika Malaysia menjadi negara perindustrian sepenuhnya. Keadaan ini menggambarkan bahawa guru berpandangan amat positif terhadap kedudukan sastera dalam era Malaysia dijangka menjadi negara maju. Guru yakin walaupun dalam era itu kelak sebahagian kehidupan akan bertunjangkan bidang sains teknologi serta ekonomi, peranan sastera tetap masih relevan dan diperlukan.

Jadual 4.2.18 Tahap keyakinan guru terhadap peranan bidang sastera pada era tahun 2020

TAHAP KEYAKINAN	JUMLAH	PERATUS
Sangat yakin	22	9.16
Yakin	186	77.5
Kurang yakin	26	10.83
Tidak yakin	-	-
Tidak pasti	6	2.5
	240	100

Jadual 4.2.19 pula menunjukkan tahap keyakinan pelajar terhadap peranan dan sumbangannya sastera dalam membantu membangunkan Malaysia pada masa kini. Jawapan yang diberikan oleh pelajar juga masih positif, iaitu 51.2% daripada pelajar menyatakan mereka yakin, 11.6% pelajar lagi

menyatakan mereka amat yakin. Ini menunjukkan pelajar berkeyakinan tinggi bahawa bidang sastera mempunyai sumbangan dan peranan yang besar terhadap pembangunan negara Malaysia.

Hanya 7.6% pelajar yang menyatakan mereka tidak yakin bahawa bidang sastera telah benar-benar dapat membantu membangunkan Malaysia. Sejumlah 23% pelajar pula memberikan jawapan bahawa mereka kurang yakin terhadap soalan tersebut. Tidak ada pelajar yang memberikan jawapan bahawa mereka tidak pasti sama ada bidang sastera telah benar-benar dapat membantu membangunkan negara Malaysia.

Jadual 4.2.19 Tahap keyakinan pelajar terhadap peranan dan sumbangan bidang sastera dalam membangunkan negara Malaysia pada masa kini

TAHAP KEYAKINAN	JUMLAH	PERATUS
Sangat yakin	58	11.6
Yakin	256	51.2
Kurang yakin	115	23
Tidak yakin	38	7.6
Tidak pasti	-	-
	500	100

Tahap keyakinan guru terhadap peranan dan sumbangan bidang sastera dalam membantu membangunkan negara Malaysia ditunjukkan dalam jadual 4.2.20. Guru juga mempunyai keyakinan yang tinggi terhadap sumbangan bidang sastera. Seramai 54.16% guru menyatakan bahawa mereka yakin bidang sastera telah benar-benar dapat membantu membangunkan negara Malaysia. Ini dikukuhkan lagi dengan 7.5% guru lagi

memberikan jawapan bahawa mereka sangat yakin akan peranan dan sumbangan bidang sastera dalam membangunkan negara Malaysia.

Tidak ada guru yang memberikan jawapan bahawa mereka tidak yakin bidang sastera telah benar-benar dapat membantu membangunkan negara Malaysia. Bagaimanapun 27.5% guru menyatakan bahawa mereka kurang yakin dan 10.83% lagi memberikan jawaban bahawa mereka tidak pasti sama ada bidang sastera telah benar-benar dapat membantu membangunkan negara Malaysia.

Keyakinan guru dan pelajar terhadap sumbangan dan peranan bidang sastera dalam membantu membangunkan negara Malaysia selari dengan kenyataan yang pernah dikemukakan oleh Tun Syed Nasir Ismail berhubung peranan penulis dan sumbangan bidang sastera kepada masyarakat. Beliau menyatakan hanya dengan bakat yang kuat dan daya intelek yang sentiasa hidup seorang penulis dapat berdiri teguh sebagai sasterawan yang berani menegakkan kebenaran, radikal, dinamis dan di samping itu membangun, memimpin dan membentuk fikiran dan sikap manusia pada zamannya.⁷

Jadual 4.2.20 Tahap keyakinan guru terhadap peranan dan sumbangan bidang sastera dalam membantu membangunkan negara Malaysia pada hari ini

TAHAP KEYAKINAN	JUMLAH	PERATUS
Sangat yakin	18	7.5
Yakin	130	54.16
Kurang yakin	66	27.5
Tidak yakin	-	-
Tidak pasti	26	10.83
	240	100

⁷Tun Syed Nasir, "Peranan dan Tanggungjawab Penulis Hari Ini" dlm. *Koleksi Ucapan Tun Syed Nasir*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1996, hlm. 87.

Cara atau bentuk sastera membangunkan negara Malaysia pada mendapat pelajar dipaparkan dalam jadual 4.2.21. Sejumlah 42.2% pelajar berpendapat cara sastera dapat membangunkan negara adalah melalui kebanggaan rakyat terhadap identiti bangsa Malaysia yang memiliki sasteranya sendiri. Melalui cara ini rakyat berbangga kerana Malaysia mempunyai kesusasteraan sendiri yang dapat digunakan sebagai saluran pengucapan fikiran rakyat. Sejumlah 32.4% pelajar pula berpendapat sastera dapat membangunkan negara Malaysia melalui pembentukan peribadi mulia rakyat oleh karya sastera. Isi karya sastera yang sesuai mampu membentuk jiwa bangsa yang sanggup berkorban untuk negaranya. Peranan dan tanggungjawab penulis ialah menimbulkan kesedaran dalam karya-karya yang bermutu.⁸

Selebihnya 18% pelajar berpendapat sastera dapat membangunkan negara Malaysia melalui keupayaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Ini dapat dikaitkan dengan karya sastera yang bermutu hanya dapat menyampaikan sesuatu pengetahuan dan ilmu apabila bahasa yang menjadi medium juga bahasa yang bermutu. Selain itu, 5.8% pelajar menyatakan sastera dapat membangunkan negara Malaysia adalah melalui industri buku yang menguntungkan negara. Perkara ini mungkin dapat diterima kerana industri penerbitan dikatakan satu industri yang ketiga terbesar di Malaysia dengan hasil jualan bagi industri penerbitan pada tahun 1995 adalah sebanyak RM2.3 bilion.⁹ Sejumlah 1.6% pelajar memberikan jawaban lain-lain.

⁸Ibid., hlm. 87-88.

⁹“RM51.1 Million Worth DBP’s Books Unsold”, *New Straits Times*, 28 Januari 1997.

Jadual 4.2.21 Cara bagaimana sastera dapat membantu membangunkan negara Malaysia menurut pandangan pelajar

CARA/BENTUK	JUMLAH	PERATUS
Melalui pembentukan peribadi mulia rakyat oleh karya sastera	162	32.4
Melalui industri buku yang menguntungkan negara	29	5.8
Melalui kebanggaan rakyat terhadap identiti bangsa Malaysia yang memiliki sastera sendiri	211	42.2
Melalui keupayaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu	90	18
Lain-lain	8	1.6
	500	100

Jadual 4.2.22 pula menunjukkan pendapat guru tentang cara bagaimana sastera dapat membantu membangunkan negara Malaysia. Sejumlah 45.83% guru menyatakan cara sastera dapat membantu membangunkan negara Malaysia adalah melalui pembentukan peribadi mulia rakyat oleh karya sastera. Seramai 31.66% guru lagi menyatakan sastera dapat membantu membangunkan negara Malaysia melalui kebanggaan rakyat terhadap identiti bangsa Malaysia yang memiliki sasteranya sendiri. Ini memperlihatkan bahawa sebahagian besar guru begitu yakin sastera dapat membangunkan negara melalui proses pembinaan minda rakyat melalui penciptaan karya sastera yang bermutu.

Sebanyak 19.58% guru pula berpendapat sastera dapat membantu membangunkan negara Malaysia melalui keupayaan bahasa Malaysia sebagai bahasa ilmu. Baki 2.91% guru lagi memberikan jawapan lain-lain.

Keseluruhannya keadaan ini mempamerkan bahawa guru berpendapat sastera memang dapat membantu membangunkan negara Malaysia dengan cara yang tersendiri.

Jadual 4.2.22 Cara sastera dapat membantu membangunkan negara Malaysia menurut pandangan guru

CARA/BENTUK	JUMLAH	PERATUS
Melalui pembentukan peribadi mulia rakyat oleh karya sastera	110	45.83
Melalui industri buku yang menguntungkan negara	6	2.5
Melalui kebanggaan rakyat terhadap identiti bangga Malaysia yang memiliki sastera sendiri	76	31.66
Melalui keupayaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu	47	19.58
Lain-lain	7	2.9

Pendapat pelajar terhadap keberkesanan pengajaran dan pembelajaran sastera telah dapat melahirkan masyarakat yang meminati dan memahami sastera di sekolah dipaparkan dalam jadual 4.2.23. Seramai 30% pelajar tidak bersetuju bahawa pengajaran dan pembelajaran sastera di sekolah telah dapat melahirkan masyarakat yang meminati dan memahami sastera dengan sebaik-baiknya. Sejumlah 19.2% pelajar lagi menyatakan mereka kurang bersetuju bahawa pengajaran dan pembelajaran sastera di sekolah sekarang telah dapat melahirkan masyarakat yang meminati dan memahami sastera dengan sebaik-baiknya.

Bagi pelajar yang bersetuju bahawa pengajaran dan pembelajaran telah dapat melahirkan masyarakat yang meminati dan memahami sastera

dengan sebaik-baiknya, hanya 9.8% yang memberikan jawapan sangat bersetuju. Sejumlah 28.6% pelajar pula menyatakan mereka bersetuju pengajaran dan pembelajaran sastera di sekolah telah dapat melahirkan masyarakat yang meminati dan memahami sastera dengan sebaik-baiknya. Jelas bahawa pelajar tidak begitu meyakini proses pengajaran dan pembelajaran sastera di sekolah telah dapat melahirkan masyarakat yang meminati dan memahami sastera dengan sebaik-baiknya. Pendapat pelajar bahawa proses pengajaran dan pembelajaran sastera di sekolah yang tidak berkesan ini dapat dikaitkan dengan tinjauan Sharif Putera yang mendapati sebahagian besar kerja pengajaran guru sastera adalah tidak bersungguh-sungguh. Ini pastinya menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran sastera di kelas menjadi tidak berkesan.¹⁰

Jadual 4.2.23 Tahap keyakinan pelajar terhadap keberkesaan pengajaran dan pembelajaran sastera di sekolah dalam melahirkan masyarakat meminati dan memahami sastera dengan sebaik-baiknya

TAHAP KEYAKINAN	JUMLAH	PERATUS
Sangat bersetuju	49	9.8
Bersetuju	143	28.6
Kurang bersetuju	750	30
Tidak bersetuju	96	19.2
Tidak pasti	62	12.4
	500	100

Kaedah pengajaran dan pembelajaran sastera yang berkesan di sekolah pada pendapat pelajar ditunjukkan dalam jadual 4.2.24. Sejumlah

¹⁰Tuan Sharif Putera, "Menjenguk Realiti di Bilik Darjah: Satu Pengalaman" dlm. *Pengajaran Sastera*, Othman Puteh (Penyelenggara), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1996 hlm. 85.

47.16% berpendapat pengajaran dan pembelajaran sastera di sekolah hendaklah jangan terlalu diikat dengan teks khusus. Ini bermaksud pelajar tersebut berasa penetapan teks khusus untuk kajian dalam subjek sastera di sekolah tidak begitu berkesan. Kajian atau penelitian hendaklah dibuat terhadap mana-mana teks yang difikirkan bersesuaian.

Sejumlah 41.2% pelajar lagi berpendapat pengajaran dan pembelajaran sastera di sekolah mestilah diajar dengan penuh kreatif. Perkara ini melibatkan kaedah pengajaran yang mungkin boleh dipelbagaikan oleh guru. Sukatan pelajaran juga mungkin boleh dinilai semula agar tidak terlalu menekan aspek tema dan persoalan, gaya bahasa dan teknik semata-mata. Hal ini pernah ditegaskan oleh Sahlan Mohd. Saman yang menyatakan sejak tahun 60-an hingga hari ini perkembangan dan pembangunan pengajaran sastera tidak banyak berubah. Pendekatan formalistik yang diperkenalkan di tahap awal masih dimanfaatkan secara meluas hingga kini.¹¹

Seramai 11.2% pelajar pula berpendapat pengajaran dan pembelajaran sastera di sekolah sepatutnya dilaksanakan dengan cara mewajibkan pelajar menghasilkan karya sastera sebagai salah satu syarat lulus mata pelajaran tersebut dalam peperiksaan. Pendapat ini membayangkan ada keinginan pelajar untuk melengkapkan pengetahuan pelajar dalam subjek sastera melalui kemahiran mencipta karya. Saranan ini dirasakan dapat membantu memudahkan kefahaman pelajar sastera terhadap aspek-aspek yang dikaji dalam teks sastera.

¹¹Sahlan Mohd. Saman “Pengajaran dan Pembelajaran Kesusastraan Melayu” dlm. *Pengajaran Sastera*, Othman Puteh (Penyelenggara), hlm. 61-62.

Jadual 4.2.24 Pendapat pelajar tentang bagaimana sastera sepatutnya diajarkan di sekolah

PENDAPAT	JUMLAH	PERATUS
Diajar dengan penuh kreatif	206	41.2
Jangan terlalu diikat dengan teks khusus	238	47.16
Diwajibkan pelajar menghasilkan karya sastera sebagai satu syarat lulus subjek sastera dalam peperiksaan	56	11.2
Lain-lain	-	-
	500	100

Pendapat guru tentang bagaimana sastera sepatutnya diajarkan di sekolah ditunjukkan dalam jadual 4.2.25. Bagi guru, sejumlah 54.16% berpendapat sastera sepatutnya diajarkan dengan penuh kreatif. Ini menggambarkan bahawa guru juga berasa pengajaran dan pembelajaran subjek sastera yang dilaksanakan sekarang tidak menarik. Hal ini mungkin menyebabkan minat pelajar untuk belajar sastera turut menurun.

Sebanyak 37.5% guru pula berpendapat pengajaran dan pembelajaran sastera di sekolah hendaklah jangan terlalu terikat dengan teks khusus. Keadaan ini juga menjelaskan guru berasa pembatasan kajian terhadap teks khusus menyebabkan pengajaran dan pembelajaran sastera tidak berkesan. Kemungkinan yang timbul ialah pelajar akan berpandukan hasil-hasil kajian pelajar lain sebelum ini kerana teks yang dikaji adalah sama. Dalam keadaan ini, pelajar berkenaan sebenarnya tidak mengkaji sendiri, tetapi semata-mata mengikut apa yang telah dikaji oleh pelajar sebelum mereka.

Sejumlah 8.33% guru lagi berpendapat pengajaran dan pembelajaran sastera di sekolah akan lebih berkesan sekiranya pelajar diwajibkan

menghasilkan karya sastera sebagai salah satu syarat lulus mata pelajaran sastera dalam peperiksaan. Guru juga melihat adanya keperluan mewajibkan pelajar menulis karya sastera bagi melengkap dan memantapkan lagi ilmu sastera.

Jadual 4.2.25 Pendapat guru tentang bagaimana sastera sepatutnya diajar di sekolah

PENDAPAT	JUMLAH	PERATUS
Diajar dengan penuh kreatif	130	54.16
Jangan terlalu diikat dengan teks khusus	90	37.5
Diwajibkan pelajar menghasilkan karya sastera sebagai satu syarat lulus subjek sastera dalam peperiksaan	20	8.32
Lain-lain	-	-
	240	100

Jadual 4.2.26 memaparkan pendapat pelajar tentang keberkesanan kurikulum subjek sastera yang dilaksanakan di sekolah. Kajian ini mendapati bahawa 54.6% pelajar berpendapat sukatan pelajaran sastera di sekolah sekarang perlu disemak pada bahagian-bahagian tertentu. Penyemakan dan penilaian semula sukatan pelajaran sastera mungkin terhadap teks yang menjadi kajian, unsur yang dikaji dalam teks mahupun keseluruhan pengajaran dan pembelajaran sastera di sekolah.

Seramai 35.2% pelajar lagi berpendapat sukatan pelajaran sastera di sekolah sekarang perlu disemak secara menyeluruh kerana ini tidak mampu melahirkan masyarakat yang benar-benar memahami dan menghayati karya sastera. Pendapat ini memperlihatkan ketidakyakinan pelajar terhadap

keupayaan sukatan pelajaran sastera yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan di sekolah sekarang. Ketidakyakinan ini memang ada batasnya apabila didapati umumnya pelajar jurusan sastera tidak lagi membaca bahan sastera apabila tamat persekolahan. Ini menunjukkan sukatan pelajaran yang ada belum benar-benar mampu membentuk sikap positif pelajar terhadap peranan dan kepentingan sastera dalam kehidupan seharian.

Hanya 10.2% pelajar yang berpendapat sukatan pelajaran sastera yang dilaksanakan di sekolah sekarang tidak perlu disemak kerana sudah memahami untuk membentuk masyarakat yang bersikap positif terhadap bidang sastera. Keadaan ini menunjukkan secara keseluruhannya pelajar berpendapat memang wujud keperluan oleh pihak Kementerian Pendidikan untuk menyemak dan menilai semula sukatan pelajaran sastera yang dilaksanakan di sekolah sekarang. Ini penting bagi memastikan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran sastera dalam membentuk masyarakat yang benar-benar memahami dan menghayati sastera.

Jadual 4.2.26 Pendapat pelajar tentang keperluan menyemak dan menilai semula sukatan pelajaran sastera yang dilaksanakan di sekolah sekarang

PENDAPAT	JUMLAH	PERATUS
Perlu disemak kerana tidak mampu melahirkan masyarakat yang benar-benar memahami dan menghayati sastera	176	35.2
Perlu disemak pada bahagian-bahagian tertentu	273	54.6
Tidak perlu disemak kerana sudah memadai	51	10.2
	500	100

Pendapat guru tentang keperluan menyemak dan menilai semula sukatan pelajaran sastera yang dilaksanakan di sekolah sekarang ditunjukkan dalam jadual 4.2.27. Sejumlah 63.33 guru berpendapat sukatan pelajaran sastera yang dilaksanakan di sekolah sekarang perlu disemak pada bahagian-bahagian tertentu. Ini juga menggambarkan bahawa wujud keperluan untuk menyemak dan menilai semula sukatan pelajaran sastera di sekolah sekarang. Perkara ini semakin konkret apabila 36.66% guru pula berpendapat sukatan pelajaran sastera yang dilaksanakan di sekolah sekarang perlu disemak kerana ia tidak mampu melahirkan masyarakat yang benar-benar memahami dan menghayati sastera. Tidak ada guru yang berpendapat sukatan pelajaran sastera tidak perlu disemak kerana sudah memadai.

Maka secara keseluruhannya, guru juga berpendapat sukatan pelajaran sastera yang dilaksanakan di sekolah sekarang perlu disemak dan dinilai semula. Pendapat ini menjelaskan bahawa sukatan pelajaran sastera sekarang sudah ada yang tidak sesuai dengan keperluan semasa. Bahkan keberkesanan sukatan pelajaran ini umumnya belum menampakkan keberkesanan yang maksimum dalam membentuk masyarakat benar-benar memahami dan menghayati peranan serta kepentingan sastera dalam kehidupan seharian.

Jadual 4.2.27 Pendapat guru tentang keperluan menyemak dan menilai semula sukan pelajaran sastera yang dilaksanakan di sekolah sekarang

PENDAPAT	JUMLAH	PERATUS
Perlu disemak kerana tidak mampu melahirkan masyarakat yang benar-benar memahami dan menghayati sastera	88	36.66
Perlu disemak pada bahagian-bahagian tertentu	152	63.33
Tidak perlu disemak kerana sudah memadai	-	-
	240	100

Pendapat pelajar tentang taraf pelajar yang mengambil jurusan sastera di sekolah atau IPT berbanding pelajar yang mengambil jurusan sains, perubatan, ekonomi atau undang-undang ditunjukkan dalam jadual 4.2.28. Sejumlah 51.4% pelajar berpendapat bahawa pelajar yang mengambil jurusan sastera tidaklah lebih rendah tarafnya berbanding pelajar yang mengambil jurusan sains, perubatan, ekonomi ataupun undang-undang. Ini menunjukkan bahawa pelajar berfikiran positif terhadap taraf sastera berbanding disiplin-disiplin lain.

Bagaimanapun sejumlah 35% pelajar lagi berpendapat kadang-kadang mereka berasa pelajar yang mengambil jurusan sastera di sekolah atau IPT adalah lebih rendah tarafnya berbanding dengan pelajar yang mengambil jurusan sains, perubatan, ekonomi ataupun undang-undang. Perasaan yang berbelah bahagi di kalangan pelajar ini mungkin ada kaitanya dengan penekanan kerajaan pada masa kini terhadap jurusan sains dan teknologi. Sejumlah 13.6% pelajar lagi berpendapat mereka berasa pelajar yang mengambil jurusan sastera di sekolah atau IPT adalah lebih rendah tarafnya

berbanding pelajar yang mengambil jurusan sains, perubatan, ekonomi atau undang-undang.

Keseluruhannya di dapati separuh pelajar berpendapat taraf pelajar yang mengambil jurusan sastera tidaklah rendah berbanding pelajar yang mengambil jurusan sains, perubatan, ekonomi atau undang-undang. Sementara itu, separuh lagi pelajar berpendapat bahawa taraf pelajar yang mengambil jurusan sastera adalah lebih rendah berbanding pelajar yang menambil jurusan lain. Keadaan ini menggambarkan wujudnya keyakinan yang tidak begitu menyeluruh di kalangan pelajar terhadap taraf pelajar yang mengambil jurusan sastera di sekolah atau IPT.

Jadual 4.2.28 Pendapat pelajar tentang taraf pelajar yang mengambil jurusan sastera di sekolah atau IPT adalah lebih rendah berbanding pelajar yang mengambil jurusan sains, perubatan, ekonomi atau undang-undang

PENDAPAT	JUMLAH	PERATUS
Ya	68	13.6
Kadang-kadang	175	35
Tidak	257	51.4
	500	100

Pendapat guru tentang pelajar yang mengambil jurusan sastera di sekolah atau IPT adalah lebih rendah tarafnya berbanding pelajar yang mengambil jurusan sains, perubatan, ekonomi dan undang-undang dipaparkan dalam jadual 4.2.29. Sejumlah 55% guru berpendapat bahawa pelajar yang mengambil jurusan sastera tidaklah rendah tarafnya berbanding pelajar yang mengambil jurusan sains, perubatan, ekonomi atau undang-

undang. Ini menunjukkan sebahagian besar guru tetap yakin bahawa jurusan sastera tidak ada perbezaan taraf dengan jurusan-jurusan lain.

Hanya 8.33% guru yang berasa pelajar yang mengambil jurusan sastera di sekolah atau IPT adalah lebih rendah tarafnya berbanding pelajar yang mengambil jurusan sains, perubatan, ekonomi atau undang-undang. Seramai 36.66% guru lagi berpendapat kadang-kadang mereka berasa pelajar yang mengambil jurusan sastera adalah lebih rendah tarafnya berbanding pelajar yang mengambil jurusan sains, perubatan, ekonomi atau undang-undang. Sikap memandang rendah taraf pelajar yang mengambil jurusan sastera terutamanya di IPT dikaitkan dengan perkembangan semasa yang menuntut pelajar memilih jurusan yang dapat menjamin pekerjaan pada masa depan. Sastera terpinggir dalam pergelutan material ini kerana sastera bukan utilitarian sifatnya.

Dalam perancangan pendidikan Universiti/Institusi Pengajian Tinggi untuk RMK7, 1996 - 2000 kedudukan sastera amat dipinggirkan. Ini menurut Noriah Taslim bukanlah suatu yang memerlukan kerana dalam arus perkembangan yang berorientasikan budaya kebendaan, budaya industri dan teknologi pendidikan tinggi adalah dituntut melahirkan profesional, dan teknokrat, pengarah dan pengurus.¹² Walaupun pelajar dan guru sebahagiannya tetap berpendapat bahawa pelajar jurusan sastera tidaklah rendah tarafnya berbanding pelajar yang mengambil jurusan lain, namun tuntutan semasa jelas banyak meminggirkan bidang sastera di IPT atau sekolah.

¹²Noriah Taslim, "Menggarapi Dunia Faedah dan Keilmuan Sastera melalui Penstrukturran Kurikulum dan Pemantapan Kaedah Pengajaran" dlm. *Pengajaran Sastera*, Othman Puteh (Penyelenggara) hlm. 9.

Jadual 4.2.29 Pendapat pelajar tentang pelajar yang mengambil jurusan sastera adalah lebih rendah berbanding pelajar yang mengambil jurusan sains, perubatan, ekonomi atau undang-undang

PENDAPAT	JUMLAH	PERATUS
Ya	20	8.33
Kadang-kadang	88	36.66
Tidak	132	55
	240	100

Jadual 4.2.30 menunjukkan pendapat pelajar tentang sama ada bidang sastera membantu urusan atau pekerjaan harian baik di rumah atau di pejabat. Kajian ini mendapati 64.8% pelajar menyatakan sastera tidak membantu urusan atau pekerjaan harian mereka sama ada di rumah atau di pejabat. Bahkan 27.2% pelajar lagi menyatakan bahawa mereka tidak pasti sama ada bidang sastera membantu urusan atau pekerjaan harian mereka. Keadaan ini menunjukkan pelajar tidak meyakini bahawa bidang sastera mampu membantu kehidupan harian mereka. Sekaligus, fungsi dan peranan sastera tidak difahami dan dihayati oleh pelajar dengan mendalam.

Hanya 8% pelajar yang menyatakan bidang sastera sangat membantu urusan atau pekerjaan harian mereka sama ada ada di rumah atau di pejabat. Malah tidak ada pelajar yang memberikan bidang sastera membantu urusan atau pekerjaan harian mereka. Keseluruhan jawapan yang diberikan oleh pelajar menggambarkan persepsi dan tanggapan negatif pelajar terhadap fungsi dan peranan bidang sastera dalam kehidupan harian mereka. Hal ini mungkin disebabkan oleh pendidikan sekarang yang lebih mengutamakan bidang-bidang yang dapat menjamin pekerjaan pada masa depan.

Jadual 4.2.30 Pendapat pelajar tentang sastera membantu urusan atau pekerjaan harian mereka sama ada di rumah atau di pejabat

PENDAPAT	JUMLAH	PERATUS
Sangat membantu	40	8
Membantu	-	-
Tidak membantu	324	64.8
Tidak pasti	136	27.2
	500	100

Pendapat tentang sama ada bidang sastera membantu urusan atau pekerjaan harian mereka baik di rumah atau di pejabat dipaparkan dalam jadual 4.2.31. Jawapan yang diberikan oleh guru amat positif. Seramai 70.83% guru menyatakan bahawa bidang sastera membantu urusan atau pekerjaan harian mereka sama ada di rumah atau di pejabat. Bahkan sejumlah 5% guru lagi menyatakan sastera amat membantu. Ini menunjukkan guru lebih memahami dan menyedari peranan serta fungsi sastera yang sebenarnya berbanding pelajar. Keadaan ini juga membayangkan bidang sastera memang amat diperlukan dalam urusan atau pekerjaan harian masyarakat. Hanya 14% guru yang menyatakan bidang sastera tidak membantu urusan atau pekerjaan harian mereka. Sejumlah 10% guru pula memberikan jawapan bahawa mereka tidak pasti sama ada sastera membantu urusan atau pekerjaan harian atau sebaliknya. Jelas perbezaan pengalaman dan kematangan berfikir membezakan pendapat pelajar dengan guru tentang peranan dan fungsi sastera. Kefahaman yang cetek terhadap sastera menyebabkan pelajar tidak dapat menilai dan menyemai hakikat sebenar peranan dan fungsi sastera dalam kehidupan.

Maka pelajar melihat sastera sebagai tidak membantu urusan atau pekerjaan harian mereka.

Jadual 4.2.31 Pendapat guru tentang sastera membantu urusan atau pekerjaan harian mereka sama ada baik di rumah atau di pejabat

PENDAPAT	JUMLAH	PERATUS
Sangat membantu	12	5
Membantu	170	70.83
Tidak membantu	34	14.16
Tidak pasti	24	10
	240	100

4.2.1 Rumusan

Secara keseluruhannya kedudukan sastera di Sarawak tidaklah terlalu terpinggir. Berdasarkan jawapan yang diberikan oleh pelajar dan guru terhadap peranan dan kedudukan bidang sastera dapat diyakini bahawa ini masih diperlukan oleh masyarakat. Walaupun pendidikan di Malaysia sekarang lebih menekankan aspek sains dan teknologi, keperluan pembinaan minda dan moral yang diperoleh daripada sastera tetap relevan. Ini kerana dalam sembilan cabaran wawasan 2020 yang dibentangkan oleh Dr. Mahatdir Mohamad aspek pembinaan akal budi turut diberi perhatian.

Peranan sastera dalam pembentukan akal manusia seperti yang ditegaskan oleh Shahnon Ahmad¹³ antara lain menyebut kesusteraan yang

¹³Shahnon Ahmad, *Sastera: Pengalaman, Ilmu, Imagination dan Kitarannya*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1994, hlm. 138.

baik membijaksanakan manusia dalam segala tindakannya. Pendek kata kesusasteraan yang sebenar membijaksanakan hati manusia. Dengan peranan yang demikian, sastera memang masih diperlukan seperti mana bidang-bidang lain.

Kedudukan sastera yang masih diperlukan ini dapat didasarkan kepada sejumlah 70.8% pelajar menyatakan mereka membaca karya sastera sama ada kerana sastera sebagai sumber memperoleh ilmu, sastera dapat membentuk minda positif mahupun sastera dapat dijadikan sebagai salah satu bahan yang menghiburkan. Di kalangan guru pula seramai 89,98% menyatakan mereka membaca karya sastera atas tiga faktor tersebut. Maka ini dengan jelas menunjukkan sastera bagi guru dan pelajar amat berperanan dalam kehidupan harian mereka.

Bagaimanapun, tahap pembacaan karya sastera di kalangan guru dan pelajar ternyata masih rendah. Hanya 6% pelajar dan 33.33% guru yang membaca lebih daripada lima belas (15) buah buku sastera sedangkan 48.33% guru dan 56% pelajar hanya membaca beberapa buah cerpen, puisi, drama dan kritikan sastera. Pembacaan bahan sastera yang agak rendah ini tidak selaras dengan keyakinan guru dan pelajar sendiri terhadap bidang sastera. Perkara ini dapat dikaitkan dengan sikap keseluruhan rakyat Malaysia yang dikatakan kurang membaca.

Kedudukan sastera di sisi pelajar juga dapat dikatakan tidak terlalu terpinggir apabila 30.41% guru dan 23.6% pelajar memperoleh buku sastera untuk bacaan dan rujukan dengan membeli daripada kedai buku. Ini juga menggambarkan minat yang agak mendalam serta sikap sanggup berbelanja untuk memperoleh bahan sastera agak tinggi peratusannya. Namun sumber

utama memperoleh bahan sastera untuk bacaan dan rujukan bagi guru (54.6%) dan pelajar (53.8%) adalah daripada perpustakaan.

Sikap kurang membaca di kalangan pelajar dan guru juga mempengaruhi daya beli buku di kalangan pelajar dan guru. Sejumlah 60.6% pelajar dan 53.33% guru memperuntukkan duit untuk membeli buku hanya apabila ada keperluan semasa. Ini bermakna mereka tidak mempunyai duit khas setiap bulan untuk membeli buku sastera. Malah hanya 3.4% pelajar dan 11.25% guru yang memperuntukkan sejumlah sekitar RM10.00 hingga RM50.00 untuk membeli buku setiap bulan. Sekali gus daya beli buku sastera bagi menampung minat membaca dan minat terhadap sastera adalah rendah.

Keyakinan pelajar dan guru terhadap bidang sastera dapat menjamin masa depan dari sudut mencari pekerjaan adalah tinggi. Sejumlah 58.2% pelajar dan 43.75% guru yakin bidang sastera dapat meyakini kerjaya pada masa depan. Bahkan hanya 4.8% pelajar dan 2.5% guru yang menyatakan mereka tidak yakin bidang sastera dapat menjamin kerjaya pada masa depan.

Kemampuan sastera membentuk manusia menjadi insan yang berbudi dan berakhhlak mulia juga adalah cukup diyakini. Seramai 54.6% pelajar dan 72.5% guru yakin bahawa sastera mampu membentuk manusia menjadi insan yang berbudi dan berakhhlak mulia. Hanya 3% pelajar dan 5.41% guru yang tidak yakin bidang sastera mampu membentuk peribadi dan akhlak manusia.

Dari segi kegunaan dalam kehidupan seharian, sejumlah 27.91% guru dan 20% pelajar sangat yakin sastera mempunyai kegunaan yang sama

dengan bidang sains dan ekonomi. Malah hanya 2.08% guru dan 4.8% pelajar yang tidak yakin bidang sastera mempunyai kegunaan dalam kehidupan sehari-hari kita sebagaimana bidang sains dan ekonomi.

Peranan serta sumbangan sastera dalam era tahun 2020 iaitu ketika Malaysia merancang menjadi negara perindustrian sepenuhnya juga diyakini oleh pelajar dan guru. Sejumlah 50.2% pelajar dan 77.5% guru yakin bahawa sastera tetap dapat memainkan peranannya dalam era 2020 kelak. Bahkan hanya 3.8% pelajar dan tidak ada guru yang tidak yakin bahawa sastera tetap dapat memainkan peranannya dalam era Malaysia menjadi negara perindustrian sepenuhnya.

Pelajar dan guru juga ternyata yakin, setakat ini bidang sastera telah benar-benar dapat membantu membangunkan negara Malaysia. Seramai 51.2% pelajar dan 54.16% guru menyatakan mereka yakin bahawa setakat ini bidang sastera telah benar-benar dapat membantu membangunkan negara Malaysia. Hanya 7.6% pelajar dan tidak ada guru yang menyatakan bahawa mereka tidak yakin sastera telah dapat membantu membangunkan negara Malaysia setakat ini.

Sejumlah 32% pelajar dan 45.83% guru menyatakan sastera membantu membangunkan negara Malaysia melalui pembentukan peribadi mulia rakyat oleh karya sastera. Seramai 42.2% pelajar dan 31.66% guru lagi berpendapat sastera membantu membangunkan negara Malaysia melalui kebanggaan rakyat terhadap identiti bangsa Malaysia yang memiliki sastera sendiri.

Dari segi pendidikan sastera pula, sejumlah 30% pelajar dan 54.16% guru kurang bersetuju bahawa kaedah pengajaran dan pembelajaran sastera

di sekolah sekarang telah dapat melahirkan masyarakat yang menikmati dan memahami sastera dengan sebaik-baiknya. Sejumlah 28.6% pelajar dan 19.58% guru pula menyatakan bahawa mereka bersetuju bahawa kaedah pengajaran dan pembelajaran sastera di sekolah sekarang telah dapat melahirkan masyarakat yang meminati dan memahami sastera dengan sebaik-baiknya.

Berdasarkan keadaan tersebut, 63.33% guru dan 54.6% pelajar menyatakan sukanan pelajaran sastera di sekolah sekarang perlu disemak pada bahagian-bahagian tertentu. Bahkan 36.66% guru dan 35.2% pelajar lagi menyatakan sukanan pelajar dan sastera itu perlu disemak kerana tidak mampu melahirkan masyarakat yang benar-benar memahami dan menghayati sastera.

Bagi menjadikan pengajaran dan pembelajaran sastera yang lebih berkesan, sejumlah 54.16% guru dan 41.2% pelajar berpendapat sastera mestil diajar dengan penuh kreatif. Sejumlah 37.5% guru dan 47.16% pelajar lagi menyatakan sastera sepatutnya diajar tanpa terlalu terikat dengan teks khusus.

Berkaitan status atau tentang pelajar yang mengambil jurusan sastera di sekolah atau IPT, 51.14% pelajar dan 55% guru berpendapat pelajar tersebut tidaklah lebih rendah tarafnya berbanding pelajar yang mengambil jurusan sains, perubatan, ekonomi ataupun undang-undang. hanya 13.6% pelajar dan 3.33% guru yang menyatakan bahawa pelajar yang mengambil jurusan sastera adalah lebih rendah tarafnya berbanding pelajar yang mengambil jurusan sains, perubatan, ekonomi ataupun sains.

Sejumlah 64.8% pelajar dan 14.16% guru menyatakan bahawa bidang sastera tidak membantu urusan atau pekerjaan harian mereka sama ada di rumah atau di pejabat. Sementara itu seramai 70.83% guru menyatakan bidang sastera membantu urusan atau pekerjaan harian mereka sama ada di rumah atau di pejabat.

Berdasarkan kajian ini, didapati kedudukan sastera tidaklah terlalu terpinggir. Malah sastera masih diperlukan oleh masyarakat khususnya dalam pembinaan, pembentukan dan pengasuhan minda dan peribadi masyarakat. Perkara ini didasarkan kepada dapatan kajian yang menunjukkan:

- i. Pelajar dan guru meminati dan membaca sastera kerana sastera mampu menjadi wadah penyampai ilmu, pembentukan peribadi dari bahan hiburan.
- ii. Sekitar 23% hingga 30.41% pelajar dan guru memperoleh buku sastera dengan membeli sendiri di kedai buku.
- iii. Sekitar 43.75% hingga 58.2% pelajar dan guru yakin sastera dapat menjamin masa depan dari aspek mencari pekerjaan.
- iv. Sekitar 54.6% hingga 72.5% pelajar dan guru yakin sastera mampu membentuk manusia menjadi insan yang berbudi dan berakhlak mulia.
- v. Sekitar 20% hingga 27.91% pelajar dan guru sangat yakin bidang sastera mempunyai kegunaan yang sama dengan bidang sains dan teknologi.
- vi. Sekitar 50.2% hingga 77.5% pelajar dan guru yakin bahawa sastera tetap dapat memainkan peranan dalam era 2020.
- vii. Sekitar 51.2% hingga 54.16% pelajar dan guru yakin bidang sastera telah benar-benar dapat membangunkan negara Malaysia hingga setakat ini.

- viii. Sekitar 32% hingga 45.83% pelajar dan guru menyatakan sastera membangunkan negara Malaysia melalui pembentukan peribadi mulia rakyat oleh karya sastera.
- ix. Sekitar 30% hingga 54.16% pelajar dan guru kurang bersetuju kaedah pengajaran dan pembelajaran sastera di sekolah sekarang mampu melahirkan masyarakat yang benar-benar meminati dan memahami sastera.
- x. Sekitar 54.6% hingga 63.33% pelajar dan guru menyatakan sukatan pelajaran sastera di sekolah sekarang perlu disemak pada bahagian-bahagian tertentu.
- xi. Sekitar 41.2% hingga 54.16% pelajar dan guru berpendapat sastera mesti diajar secara kreatif.
- xii. Sekitar 51.14% hingga 55% guru dan pelajar berpendapat taraf pelajar sastera di sekolah dan IPT tidaklah lebih rendah tarafnya berbanding pelajar jurusan sains, perubatan, ekonomi dan undang-undang.
- xiii. Sekitar 70.83% pelajar dan guru menyatakan bidang sastera membantu urusan atau pekerjaan harian mereka sama ada di rumah atau di pejabat.

4.3 Kedudukan Buku Terbitan DBP Sarawak Di Perpustakaan Sekolah

Bagi mengkaji kedudukan buku sastera terbitan DBP Sarawak dalam koleksi perpustakaan sekolah, sebanyak sembilan (9) soalan telah dikemukakan dalam borang soal selidik C. Kajian Buku-buku Sastera Terbitan DBP Sarawak 1988-1998. Perpustakaan sekolah. Borang tersebut dihantar ke sekolah terpilih untuk dilengkapkan oleh guru penyelia perpustakaan sekolah berkenaan. (Rujuk Lampiran VIII)

Soalan yang dikemukakan adalah berkaitan jumlah buku yang terdapat dalam perpustakaan, cara perpustakaan berkenaan memperoleh maklumat tentang buku DBP, sambutan terhadap buku, jenis buku yang digemari pelajar, faktor mengapa buku DBP mendapat sambutan dan buku-buku terbitan DBP yang terdapat dalam perpustakaan sekolah berkenaan.

Perpustakaan sekolah yang terlibat dalam kajian ini ialah,

- i. Perpustakaan SMK Marudi, Baram
- ii. Perpustakaan SMK Bintulu, Bintulu
- iii. Perpustakaan SMK Lumba Kuda, Kuching
- iv. Perpustakaan SMK Tunku Abdul Rahman, Kuching
- v. Perpustakaan SMK Rosli Dhobi, Sibu

Peratusan buku terbitan DBP yang terdapat dalam perpustakaan sekolah yang terlibat dalam kajian ini ditunjukkan dalam jadual 4.3.1. Sejumlah tiga buah perpustakaan sekolah yang mempunyai koleksi buku terbitan DBP sekitar 30% hingga 40%. Sejumlah dua buah perpustakaan sekolah lagi mempunyai koleksi buku terbitan DBP sekitar 50% hingga 60%. Koleksi buku terbitan DBP yang agak tinggi ini menunjukkan keyakinan

perpustakaan berkenaan terhadap mutu buku-buku tersebut. Sekali gus peluang pelajar dan guru untuk membaca buku-buku terbitan DBP di perpustakaan sekolah adalah lebih tinggi juga. Maka kedudukan buku terbitan DBP dari sudut ini adalah masih diperlukan.

Jadual 4.3.1 Jumlah koleksi buku-buku terbitan DBP dalam perpustakaan sekolah

PERATUSAN KOLEKSI	JUMLAH SEKOLAH
Sekitar 30% - 40%	3
Sekitar 50% – 60%	2
Sekitar 70% - 80%	-
Lebih daripada 90%	-
	5

Dalam jadual 4.3.2 pula ditunjukkan cara bagaimana guru penyelia perpustakaan sekolah mendapat maklumat tentang buku-buku terbaru terbitan DBP. Seramai dua guru penyelia perpustakaan sekolah menyatakan mereka mendapat maklumat mengenai buku-buku terbaru terbitan DBP melalui pameran buku DBP di tempat tertentu. Masing-masing seorang guru penyelia perpustakaan menyatakan mereka mendapat maklumat tentang buku-buku terbaru terbitan DBP melalui kedai buku DBP Cawangan Sarawak, menghubungi pegawai DBP Cawangan Sarawak dan lain-lain (mengunjungi kedai-kedai buku yang sedia ada).

Berdasarkan cara guru penyelia perpustakaan sekolah mendapat maklumat mengenai buku-buku terbaru terbitan DBP, menunjukkan ada kesungguhan daripada guru-guru berkenaan untuk mencari buku-buku

terbitan DBP melalui daya usaha sendiri. Mereka tidak terlalu mengharapkan pihak DBP datang kepada mereka untuk mendapat maklumat mengenai buku-buku terbitan DBP. Guru penyelia perpustakaan sekolah sebahagian besarnya bergantung pada pameran buku untuk mengetahui buku-buku terbaru terbitan DBP.

Jadual 4.3.2 Cara guru penyelia perpustakaan sekolah mendapat maklumat mengenai buku-buku terbaru terbitan DBP

CARA MENDAPAT MAKLUMAT	JUMLAH
Melalui katalog buku yang diedarkan oleh DBP	-
Melalui pameran buku DBP di tempat tertentu	2
Melalui kedai buku DBP Cawangan Sarawak	1
Menghubungi kakitangan DBP Cawangan Sarawak	1
Melalui media massa (akhbar dan radio)	-
Lain-lain	1
	5

Kajian ini juga mendapati dua orang penyelia perpustakaan sekolah ada mendapat permintaan daripada pelajar agar perpustakaan membeli buku-buku tertentu terbitan DBP. Bagaimanapun, tiga orang guru penyelia perpustakaan sekolah tidak pernah mendapat permintaan daripada pelajar agar perpustakaan membeli buku tertentu terbitan DBP. Jenis buku yang sering diminta oleh pelajar agar dibeli oleh perpustakaan sekolah ialah buku umum sastera dan novel. Dua jenis buku ini adalah juga yang gemar dibaca dan dipinjam daripada perpustakaan sekolah.

Jadual 4.3.3 menunjukkan tahap keyakinan guru penyelia perpustakaan sekolah terhadap mutu buku-buku sastera terbitan DBP.

Sejumlah empat orang guru penyelia perpustakaan sekolah yakin bahawa buku-buku sastera terbitan DBP Sarawak benar-benar bermutu. Hanya seorang guru penyelia perpustakaan sekolah yang berpendapat kadang-kadang mereka yakin buku-buku sastera terbitan DBP benar-benar bermutu. Ini menunjukkan mutu buku-buku sastera terbitan DBP adalah tinggi pada pendapat guru penyelia perpustakaan berkenaan berbanding buku terbitan penerbit lain.

Jadual 4.3.3 Tahap keyakinan guru penyelia perpustakaan sekolah terhadap mutu buku-buku sastera terbitan DBP

TAHAP KEYAKINAN	JUMLAH
Ya	4
Tidak	-
Kadang-kadang	1
	5

Jadual 4.3.4 pula memaparkan tahap keyakinan guru penyelia perpustakaan sekolah terhadap sambutan pembaca kepada buku-buku sastera terbitan DBP. Sejumlah empat orang guru menyatakan mereka yakin bahawa buku-buku sastera terbitan DBP mendapat sambutan pembaca. Hanya seorang guru yang menyatakan kadang-kadang mereka yakin bahawa buku-buku sastera terbitan DBP mendapat sambutan pembaca. Tidak ada guru penyelia perpustakaan sekolah yang menyatakan mereka tidak yakin bahawa buku-buku sastera terbitan DBP mendapat sambutan pembaca.

Keyakinan guru penyelia perpustakaan sekolah ini menggambarkan bahawa buku-buku terbitan DBP tetap menjadi pilihan utama pembaca

berbanding buku-buku terbitan penerbit lain. Maka kedudukan buku-buku sastera terbitan DBP tetap lebih baik berbanding buku-buku sastera penerbit lain dalam konteks sambutan pembaca di perpustakaan sekolah.

Jadual 4.3.4 Tahap keyakinan guru penyelia perpustakaan sekolah terhadap sambutan pembaca kepada buku-buku sastera terbitan DBP

TAHAP KEYAKINAN	JUMLAH
Ya	4
Tidak	-
Kadang-kadang	1
	5

Faktor-faktor buku-buku sastera terbitan DBP bermutu dan mendapat sambutan pembaca pada pendapat guru penyelia perpustakaan sekolah ditunjukkan dalam jadual 4.3.5. Tiga orang guru yang menyatakan buku-buku sastera terbitan DBP bermutu dan mendapat sambutan pembaca adalah kerana mutu bahasa buku tersebut yang amat baik. Seorang guru pula menyatakan buku-buku sastera terbitan DBP bermutu dan mendapat sambutan adalah kerana isi buku tersebut amat baik dan menarik hati. Seorang lagi guru memberikan faktor harga buku DBP murah dan mudah diperolehi.

Berdasarkan penemuan ini dapat disimpulkan bahawa keyakinan responden terhadap kewibawaan buku-buku berkenaan adalah tinggi. Responden secara jelas dan tidak ragu-ragu mengakui hakikat bahawa buku-buku sastera terbitan DBP bermutu dari segi isi, bahasa, persembahan dan

juga harga. Ini sekali gus meletakkan kedudukan buku sastera berbanding buku-buku sastera penerbit lain adalah lebih baik.

Jadual 4.3.5 Faktor-faktor mengapa buku-buku sastera terbitan DBP bermutu dan mendapat sambutan pembaca menurut pendapat guru penyelia perpustakaan sekolah

FAKTOR-FAKTOR	JUMLAH
Mutu bahasa yang amat baik	3
Isi buku yang amat baik dan menarik hati	1
Harganya murah dan mudah diperoleh	1
Lain-lain	-
	5

Novel-novel terbitan DBP Sarawak 1988-1998 yang terdapat dalam koleksi perpustakaan sekolah yang terlibat dalam kajian ini ditunjukkan dalam jadual 4.3.6. Novel *Buaya Putih Buaya Kudung* (Jong Chian Lai) merupakan novel yang terdapat di empat buah perpustakaan sekolah. Novel *Catatan Seorang Patriot* (Median Haji Dahlan), novel *Persimpangan* (Jais Sahok) dan novel *Kelingkang* (Douglas Jaga) masing-masing terdapat di tiga buah perpustakaan sekolah. Novel *Kerana Marina* (Zakaria Embi), *Memburu Kasih* (Jamilah Morshidi) dan *Erti Pergorbanan* (Joanes Una) pula masing-masing terdapat di dua buah perpustakaan sekolah. Novel *Merah Senja di Hujung Cuti* (Jais Sahok), *Pelita Desa* (Jantan Umbat) dan *Bumi Bertuah* (Janang Ensiring) pula terdapat di sebuah perpustakaan sekolah. Novel *Nyonya* (John. M. Chin) dan Novel *Biografi: Zain Hashim* (Buang Haji Umar) tidak terdapat dalam koleksi perpustakaan sekolah berkenaan.

Novel *Buaya Putih Buaya Kudung* (Jong Chian Lai) merupakan novel yang terdapat di sebahagian besar koleksi perpustakaan sekolah yang terlibat dalam kajian ini. Data ini selaras dengan data novel yang paling banyak dibaca oleh pelajar dan guru seperti yang terdapat dalam jadual 3.7.1 dan 3.7.2 pada Bab 3 kajian ini. Begitu juga dengan novel yang tidak dibaca oleh pelajar dan guru iaitu novel *Biografi: Zain Hashim* (Buang Haji Umar) dan *Nyonya* (John M. Chin) juga tidak terdapat dalam koleksi kelima-lima perpustakaan sekolah berkenaan. Ini menunjukkan kadar pembacaan pelajar dan guru terhadap buku sastera turut bergantung pada koleksi yang terdapat di perpustakaan sekolah.

Jadual 4.3.6 Novel-novel terbitan DBP Sarawak 1988-1998 yang terdapat dalam koleksi perpustakaan sekolah

JUDUL	PENGARANG	TAHUN TERBIT	JUMLAH PERPUSTAKAAN
<i>Kerana Marina</i>	Zakaria Embi	1990	2
<i>Buaya Putih Buaya Kudung</i>	Jong Chian Lai	1992	4
<i>Memburu Kasih</i>	Jamilah Morshidi	1990	2
<i>Catatan Seorang Patriot</i>	Median Hj. Dahlan	1989	3
<i>Erti Pergorbanan</i>	Joanes Uno	1990	2
<i>Persimpangan</i>	Jais Sahok	1998	3
<i>Kelingkang</i>	Douglas Jaga	1998	3
<i>Merah Senja Di Hujung Cuti</i>	Jais Sahok	1993	1
<i>Nyonya</i>	John. M. Chin	1988	-
<i>Pelita Desa</i>	Jantan Umbat	1992	1
<i>Novel Biografi: Zain Hashim</i>	Buang Haji Umar	1997	-
<i>Bumi Bertuah</i>	Janang Ensiring	1991	1

Dalam jadual 4.3.6 pula ditunjukkan antologi cerpen terbitan DBP Sarawak 1988-1998 yang terdapat dalam koleksi perpustakaan sekolah yang terlibat dalam kajian ini. Antologi cerpen *Wali* (Hajijah Jais), *Berakhirnya Pesta Ngoncong* (Jiso Rutan), *Bunga Rimba* (Jong Chian Lai) dan *Pilihan* (Jalil A. Rahman) terdapat di empat buah perpustakaan sekolah. Sejumlah tiga buah antologi lagi iaitu, *Menganyam Kedukaan*, (Jiso Rutan), *Meminggir Angin* (Hajijah Jais), *Garis Panorama* (Jais Sahok) dan *Senapang Bemban* (Hamzah Hamdani) terdapat di tiga buah perpustakaan sekolah. Antologi cerpen *Ketipung Bunga Jambu* (Abang Patdeli/Hajijah Jais), *Tamu Di Tasik Biru* (Cecelia Chin) dan *Rindu Sang Puteri* (Haslinda Nong Chee) terdapat di dua buah perpustakaan sekolah. Antologi cerpen *Pelarian Dari Bumi* (Abdul Ahmad/Othman Puteh) tidak terdapat dalam koleksi perpustakaan sekolah yang terlibat dalam kajian ini.

Antologi cerpen yang terdapat di empat buah perpustakaan sekolah berkenaan juga merupakan antara antologi cerpen yang paling banyak dibaca oleh pelajar dan guru seperti yang ditunjukkan dalam jadual 3.8.2 dan 3.8.3 pada Bab 3. Keadaan ini turut menjelaskan bahawa daya baca pelajar dan guru terhadap buku sastera turut dipengaruhi oleh koleksi buku sesebuah perpustakaan sekolah. Jika buku berkenaan terdapat dalam perpustakaan sekolah, kemungkinan untuk buku tersebut dibaca adalah tinggi.

Jadual 4.3.7 Antologi cerpen terbitan DBP Sarawak 1988-1998 yang terdapat dalam koleksi perpustakaan sekolah

JUDUL	PENGARANG	TAHUN TERBIT	JUMLAH PERPUSTAKAAN
<i>Senapang Bemban</i>	Hamzah Hamdani	1988	3
<i>Bunga Rimba</i>	Jong Chian Lai	1997	4
<i>Berakhirnya Pesta Ngoncong</i>	Jiso Rutan	1991	4
<i>Wali</i>	Hajijah Jais	1990	4
<i>Garis Panorama</i>	Jais Sahok	1993	3
<i>Menganyam Kedukaan</i>	Jiso Rutan	1997	3
<i>Pelarian Dari Bumi</i>	Othman Puteh/Abdul Ahmad	1993	-
<i>Pilihan</i>	Jalil A. Rahman	1996	4
<i>Tamu Di Tasik Biru</i>	Cecelia Chin	1989	2
<i>Meminggir Angin</i>	Hajijah Jais	1997	3
<i>Ketipung Bunga Jambu</i>	Abg. Patdeli/Hajijah Jais	1996	2
<i>Rindu Sang Puteri</i>	Haslinda Nong Chee	1998	2

Jadual 4.3.8 pula memaparkan antologi puisi terbitan DBP Sarawak 1988-1988 yang terdapat dalam koleksi perpustakaan sekolah yang terlibat dalam kajian ini. Antologi puisi *Menganyam Kedukaan* (Jiso Rutan) terdapat di dua buah perpustakaan sekolah. Antologi puisi *Suatu Perasmian* (Yeop Johari Yaakub) pula terdapat di sebuah perpustakaan sekolah. Hanya antologi puisi *Perkasihan Musim* (Jonathan Singki/Hajijah Jais) yang tidak terdapat dalam koleksi perpustakaan sekolah yang terlibat dalam kajian ini.

Jumlah perpustakaan sekolah yang tidak banyak menyimpan koleksi antologi puisi terbitan DBP Sarawak 1988-1998 menunjukkan kemungkinan daya baca puisi yang juga rendah. Ini dapat dikaitkan genre puisi merupakan

genre yang paling kurang dibaca oleh pelajar dan guru seperti yang ditunjukkan dalam jadual 3.9.2 dan 3.9.3 pada Bab 3. Bagaimanapun buku-buku sastera terbitan DBP tetap antara buku yang paling banyak dalam koleksi perpustakaan sekolah.

4.3.1 Rumusan

Penyediaan buku yang bermutu sebagai bahan bacaan masyarakat adalah satu tanggungjawab yang perlu dipikul oleh penerbit kerajaan dan penerbit swasta. Buku adalah wahana untuk membuka minda masyarakat dalam konteks Malaysia sebagai sebuah negara yang sedang pesat membangun. Buku merupakan alat untuk menyebar ilmu pengetahuan. Hal ini turut ditegaskan oleh Tun Syed Nasir yang antara lain menyatakan semua pengetahuan ada dalam buku.¹⁴

Peranan perpustakaan sekolah dalam menyediakan bahan bacaan yang bermutu kepada pengguna seharusnya dipertingkatkan. Penyediaan buku sastera dan bukan sastera yang bermutu akan dapat menggalak minat membaca dikalangan pelajar dan guru. Buku-buku sastera terutamanya mestilah dapat menarik minat pembaca.

Kedudukan buku-buku sastera terbitan DBP dan DBP Sarawak umumnya adalah masih lebih baik berbanding buku-buku sastera terbitan penerbit lain. Kesimpulan ini didasarkan kepada beberapa faktor yang berkaitan dengan peratusan koleksi buku di perpustakaan sekolah, cara guru penyelia perpustakaan sekolah mendapat maklumat tentang buku terbaru

¹⁴*Koleksi Ucapan Tun Syed Nasir*, Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 48.

terbitan DBP, permintaan pengguna terhadap buku DBP, keyakinan terhadap mutu buku DBP, dan faktor-faktor mengapa buku DBP bermutu.

Mutu buku terbitan DBP yang baik serta mendapat keyakinan pembaca adalah selaras dengan rumusan Dasar Buku Negara¹⁵ yang antara lain menekankan perlunya kerajaan membina daya kreatif yang tinggi dalam bahasa kebangsaan di kalangan cendekiawan tempatan. Dalam hal ini DBP perlu memainkan peranan yang lebih proaktif untuk memastikan buku-buku sastera yang diterbitkan adalah bermutu dan memenuhi cita rasa pembaca.

Kajian ini mendapati tiga buah sekolah memiliki koleksi buku-buku terbitan DBP sekitar 30% hingga 40%. Dua buah perpustakaan sekolah lagi memiliki koleksi buku terbitan DBP Sarawak sekitar 50% hingga 60%. Cara guru penyelia perpustakaan sekolah mendapat maklumat mengenai buku terbaru terbitan DBP adalah atas daya usaha sendiri. Dua orang guru penyelia menganjung pameran buku DBP untuk mendapat maklumat buku terbaru terbitan DBP.

Terdapat dua orang guru penyelia perpustakaan sekolah pernah mendapat permintaan pelajar agar perpustakaan membeli buku-buku DBP. Buku-buku yang diminta ialah novel dan buku umum sastera. Dalam pada itu empat orang guru penyelia perpustakaan sekolah menyatakan mereka yakin dengan mutu buku-buku terbitan DBP. Keyakinan guru berkenaan berasaskan faktor buku-buku terbitan DBP amat baik dari segi bahasa, cerita dan harganya murah.

¹⁵*Dasar Buku Negara*, Majlis Kemajuan Buku Kebangsaan, 1985.

Sambutan pembaca terhadap buku-buku sastera terbitan DBP juga baik. Sejumlah empat orang penyelia perpustakaan sekolah yakin sambutan pembaca terhadap buku-buku sastera terbitan DBP adalah baik berbanding buku-buku penerbit lain. Koleksi novel dan antologi puisi terbitan DBP Sarawak juga terdapat di empat buah perpustakaan sekolah berkenaan. Hanya antologi puisi yang terdapat di dua buah perpustakaan sekolah.

Berdasarkan kajian ini didapati kedudukan buku-buku secara terbitan DBP dan DBP Sarawak khususnya tidaklah terpinggir berbanding buku-buku terbitan penerbit lain. Perkara ini didasarkan kepada dapatan kajian yang menunjukkan;

- I. Jumlah buku-buku terbitan DBP yang terdapat dalam koleksi perpustakaan sekolah ialah sekitar 30% hingga 60%.
- II. Terdapat daya usaha yang tinggi oleh dua orang guru penyelia perpustakaan sekolah dengan sendiri ke pameran buku untuk mendapat maklumat mengenai buku-buku terbaru terbitan DBP.
- III. Terdapat dua orang guru penyelia perpustakaan sekolah yang mendapat permintaan pelajar (pembaca) agar perpustakaan membeli buku-buku terbitan DBP.
- IV. Buku yang diminta untuk dibeli oleh pelajar kepada perpustakaan sekolah ialah novel dan buku umum sastera.
- V. Berdasarkan pemerhatian tabiat membaca pengguna perpustakaan, empat orang guru penyelia perpustakaan sekolah yakin buku-buku sastera terbitan DBP amat mendapat sambutan.
- VI. Empat orang guru penyelia perpustakaan sekolah juga yakin buku-buku sastera terbitan DBP amat bermutu.
- VII. Faktor bahasa, isi dan harga yang murah menjadikan buku-buku sastera terbitan DBP lebih bermutu berbanding buku-buku terbitan penerbit lain.
- VIII. Hampir semua novel dan antologi cerpen terbitan DBP Sarawak terdapat dalam koleksi perpustakaan sekolah.

4.4 Perbandingan Jumlah Buku Terjual antara Buku Sastera dengan Buku-buku Bidang Lain di Sarawak

4.4.1 Pengenalan

Pada bahagian ini kajian dibuat dengan meneliti secara perbandingan jumlah buku yang terjual antara buku-buku sastera dengan buku-buku bidang lain dalam tempoh bulan Januari hingga Oktober 2000. Buku yang diteliti ialah buku-buku sastera dan bidang-bidang lain DBP (bukan sastera) yang diterbitkan oleh DBP sahaja. Data yang digunakan diambil daripada rekod jualan pada dokumen Senarai Pergerakan Stok buku DBP Cawangan Sarawak iaitu dari Unit Perniagaan DBP Sarawak.

Buku-buku sastera yang menjadi sampel penelitian ialah buku-buku yang dipilih secara rambang daripada novel, cerpen dan puisi yang terlibat dalam kajian ini. Buku sastera yang terpilih terdiri daripada 8 novel, 10 cerpen dan sebuah antologi puisi. Buku-buku bidang lain (bukan sastera) yang menjadi sampel pula dipilih secara rambang daripada berbagai-bagai bidang. Jumlah keseluruhan buku bidang lain yang dipilih sebagai sampel perbandingan ialah sebanyak 20 judul. Pecahan mengikut bidang ialah, sains 7 judul, perubatan 2 judul, ekonomi 2 judul, komunikasi 2 judul, antropologi 1 judul, pendidikan 2 judul, politik 1 judul dan agama 3 judul. Ringkasan pecahan buku-buku bidang lain yang dipilih sebagai sampel penelitian ditunjukkan dalam jadual 4.4.1.

Buku sastera dan buku-buku bidang lain yang dipilih sebagai sampel kajian perbandingan ialah buku-buku yang terbit dalam tempoh antara tahun 1988 hingga 1998. Data jualan yang digunakan ialah untuk tahun 2000 bagi tempoh bulan Januari hingga Oktober. Jualan buku-buku berkenaan dibuat

sama ada melalui kedai buku DBP Sarawak ataupun oleh pengedar DBP di Sarawak.

Jadual 4.4.1 Pecahan buku-buku bidang lain yang terpilih sebagai sampel kajian perbandingan

BIDANG	JUMLAH JUDUL
Sains	7
Perubatan	2
Ekonomi	2
Komunikasi	2
Antropologi	1
Agama	3
Pendidikan	2
Politik	1
	20

4.4.2 Jumlah Buku-buku Sastera Terbitan DBP Sarawak yang terjual sepanjang tahun 2000.

Data yang diperoleh daripada senarai pergerakan stok buku DBP Sarawak menunjukkan pada tahun 2000, jumlah buku sastera yang dipilih sebagai sampel perbandingan ini yang terjual adalah antara 0 naskhah hingga 86 naskhah. Kajian ini mendapati satu judul buku sastera yang tidak terjual langsung pada tahun 2000 iaitu antologi cerpen/puisi *Mengepung Mimpi* (Yeop Johari Yaakab). Buku sastera yang paling banyak terjual pada tahun 2000 ialah *Meminggir Angin* (Hajijah Jais). Jumlah buku tersebut yang

terjual dalam tempoh itu ialah sebanyak 86 naskhah. Data lengkap tentang buku-buku sastera terbitan DBP Sarawak yang terjual dalam tahun 2000 dipaparkan dalam jadual 4.4.2.

Jumlah keseluruhan buku sastera terbitan DBP Sarawak yang terjual dalam tempoh Januari hingga Oktober 2000 ialah sebanyak 709 naskhah. Purata setiap judul terjual ialah sebanyak 37.3 naskhah. Berdasarkan harga jualan dan setelah ditolak dengan 10% diskaun yang biasa diberikan oleh DBP, jumlah hasil keseluruhan jualan buku sastera ialah sebanyak RM7,148.25. Keadaan ini menunjukkan dari segi purata jumlah jualan keseluruhan setiap judul, buku-buku sastera memperlihatkan prestasi jualan yang amat baik.

Jadual 4.4.2 Buku-buku sastera terbitan DBP Sarawak yang terjual dalam tempoh Januari hingga Oktober 2000

JUDUL	PENGARANG	GENRE	TAHUN/TERBIT	HARGA	JUAL (RM)
<i>Kerana Marina</i>	Zakaria Embi	Novel	1991	4.50	5 (22.50)
<i>Pelita Desa</i>	Jantan Umbat	Novel	1992	5.00	12 (60.00)
<i>Biografi Novel Zain Hashim</i>	Buang Haji Umar	Novel	1998	12.50	68 (850.00)
<i>Kelingkang</i>	Douglas Jaga	Novel	1998	21.00	33 (693.00)
<i>*Gadis Bernama Lina</i>	Jamilah Morshidi	Novel	19	3.00	32 (96.00)

JUDUL	PENGARANG	GENRE	TAHUN/TERBIT	HARGA	JUAL (RM)
<i>Buaya Putih Buaya Kudung</i>	Jong Chian Lai	Novel	1992	6.50	36 (234.00)
<i>Persimpangan</i>	Jais Sahok	Novel	1998	15.00	69 (1,035.00)
<i>Buhul-buhul Kasih di Benang Basah</i>	Jais Sahok	Novel	1993	10.00	15 (150.00)
<i>Mengepung Mimpi</i>	Yeop Johari Yaakob	Cerpen	1992	10.00	0
<i>Pelarian Dari Bumi</i>	Abdul Ahmad/Othman Puteh	Cerpen	1993	5.00	41 (205.00)
<i>Wali</i>	Hajijah Jais	Cerpen	1990	5.00	8 (40.00)
<i>Menganyam Kedukaan</i>	Jiso Rutan	Cerpen	1997	9.00	67 (603.00)
<i>Pilihan</i>	Jalil Abdul Rahman	Cerpen	1996	9.50	22 (209.00)
<i>Rindu Sang Puteri</i>	Haslinda Nong Chee	Cerpen	1998	20.00	64 (1,280.00)
<i>Berakhirnya Pesta Ngoncong</i>	Jiso Rutan	Cerpen	1991	9.00	18 (162.00)
<i>Meminggir Angin</i>	Hajijah Jais	Cerpen	1998	11.00	86 (946.00)
<i>Ketipung Bunga Jambu</i>	Hajijah Jais/Abang Patdeli	Cerpen	1995	10.00	40 (400.00)
<i>Bunga Rimba</i>	Jong Chian Lai	Cerpen	1997	11.50	68 (782.00)
<i>Satu Perasmian</i>	Yeop Johari Yaakob	Puisi	1992	7.00	25 (175.00)
Jumlah					709 (7,942.50)

4.4.3 Jumlah Buku bidang Lain (bukan sastera) yang terjual sepanjang tahun 2000

Data yang diperoleh daripada senarai pergerakan stok buku DBP Sarawak menunjukkan pada tahun 2000, jumlah buku bidang lain (bukan sastera) yang dipilih sebagai sampel perbandingan ini yang terjual adalah antara 0 naskhah hingga 15 naskhah. Terdapat 6 judul buku yang tidak terjual langsung sepanjang tahun 2000. Buku yang paling banyak terjual pada tahun 2000 ialah buku *Biofizik: Pengangkutan Eon Dalam Tumbuhan* (Lokman Shamsudin). Jumlah buku tersebut yang terjual dalam tempoh itu ialah sebanyak 15 naskhah. Data lengkap tentang buku-buku bidang lain (bukan sastera) terbitan DBP yang terjual sepanjang tahun 2000 dipaparkan dalam jadual 4.4.3.

Jumlah keseluruhan buku bidang lain (bukan sastera) terbitan DBP yang terjual dalam tempoh Januari hingga Oktober 2000 ialah sebanyak 89 naskhah sahaja. Purata setiap judul yang terjual ialah sebanyak 4.45 naskhah. Berdasarkan harga jualan dan setelah ditolak dengan potongan 10% diskaun yang biasa diberikan oleh DBP, jumlah hasil keseluruhan jualan buku bukan sastera ialah sebanyak RM1,559.70. Keadaan ini menunjukkan prestasi jualan buku-buku bukan sastera adalah rendah.

**Jadual 4.4.3 Buku-buku bidang lain (bukan sastera) terbitan DBP
yang terjual dalam tempoh Januari hingga Oktober 2000**

JUDUL	PENGARANG	GENRE	TAHUN/TERBIT	HARGA	JUAL (RM)
<i>Dampak Sains ke atas masyarakat</i>	Bertrand Russel	Sains	1992	10.00	0
<i>Biofizik: Pengangkutan Eon Dalam Tumbuhan</i>	Sh. Bartian Didid	Sains	1992	8.00	15 (120.00)
<i>Diatom Air Tawar Morfologi dan Taksonomi</i>	Lokman Shamsudin	Sains	1991	18.00	0
<i>Fisiologi Lepas Tuai</i>	Er. B. Pantastico	Sains	1995	40.00	1 (40.00)
<i>Pengenalan Geometri Kebezaan</i>		Sains	1994	15.00	2 (30.00)
<i>Tanaman Sayuran</i>	Dr. Mohd. Idris Hj. Zainal Abidin	Sains	1990	8.00	7 (56.00)
<i>Teknik Makmal Radiosotop</i>	R.A. Faires G.G.J. Boswell	Sains	1993	43.00	0
<i>Buku Panduan Kejururawatan Psikiatri</i>	Puraneswari Landiah	Perubatan	1991	40.00	3 (120.00)
<i>Dadah Strategi dan Kawalan</i>	Abdul Ghafar Taib	Perubatan	1991	8.50	12 (102.00)
<i>Pengenalan Pergurusan Kewangan</i>	Shamsudin Ismail	Ekonomi	1998	65.00	8 (520.00)
<i>Belanjawan Modal</i>		Ekonomi	1994	13	0

JUDUL	PENGARANG	GENRE	TAHUN/TERBIT	HARGA	JUAL (RM)
<i>Teori Komunikasi Perspektif Asia</i>	Vimal Dissanayake	Komunikasi	1993	18.00	5 (90.00)
<i>Sejarah Perkembangan Televisyen di Malaysia (1963-1983)</i>	R. Kartilagesu	Komunikasi	1994	18.00	0
<i>Pengantar Antropologi Perubatan</i>	Hashim Awang A. R	Antropologi	1990	9.00	0
<i>Pendidikan di Malaysia Sejarah, Sistem dan Falsafah</i>	Sufean Hussin	Pendidikan	1993	30.00	5 (150.00)
<i>Dorongan dan Pembelajaran</i>	Mohd. Daud Hamzah	Pendidikan	1990	10	0
<i>Dimensi Politik Melayu 1980-1990. Antara Kepentingan dan Wawasan</i>	Ahmad Atory Hussain	Politik	1997	18.00	7 (126.00)
<i>Doktrin Ekonomi Islam Jilid 1</i>	Afzal Ur. Rahman	Agama	1991	15.00	7 (105.00)
<i>Al-Sunnah-Kedudukan dan Peranannya Di Dalam Syariah Islam</i>	Mahmud Saedon/ A. Othman	Agama	1990	12.00	10 (120.00)
<i>Agama dan Perubahan Sosial</i>	Amran Kasimin	Agama	1993	22.00	7 (154.00)
Jumlah					89 (1,733.00)

4.4.4. Rumusan

Kajian ini mendapati potensi penjualan buku sebenarnya dapat dikembangkan lagi jika usaha secara agresif dibuat oleh penerbit. Para pengkaji industri buku seperti Benjamin (1964)¹⁶, Neumann (1980)¹⁷, Altbach dan Rathgeber (1980)¹⁸, Albatch dan S. Gopinathan (1985)¹⁹ dan Albatch (1987)²⁰ yakin bahawa industri buku di negara dunia ketiga dapat ditingkatkan. Buku sastera terbitan DBP terutamanya ternyata mendapat sambutan yang amat baik dari pengguna.

Secara perbandingan buku-buku sastera terbitan DBP Sarawak adalah lebih banyak terjual berbanding buku-buku bidang lain (bukan sastera). Purata jumlah terjual bagi setiap judul untuk buku-buku sastera ialah sebanyak 37.3 naskhah. Purata jumlah terjual bagi setiap judul untuk buku-buku bidang lain (bukan sastera) pula ialah sebanyak 4.45 naskhah.

Hasil jualan setelah ditolak 10% diskaun yang biasa diberikan oleh DBP kepada pembeli bagi buku-buku sastera ialah sebanyak RM7,148.25. Hasil jualan keseluruhan bagi buku-buku bukan sastera pula ialah sebanyak RM1,559.70. Ringkasan data tentang perbandingan buku-buku yang terjual antara buku-buku sastera dan buku-buku bidang lain ditunjukkan dalam jadual 4.4.4.

¹⁶Curtis Benjamin, *Books as Forces in National Development and International Relations*, National Foreign Trade Council, New York, 1964.

¹⁷Peter Neumann, "Publishing for School Text Book in the Less Developed Countries", World Bank Staff Working Paper, No. 398, 1980.

¹⁸Philip G. Albatch dan Eva Maria Rathgeber, *Publishing in The Third World: Trend Report and Bibliography*, Praeger, New York, 1980.

¹⁹Philip G. Albatch dan S. Gopinathan, (editor), *Publishing In The Third World: Knowledge and Development*, Heinemann, Portsmouth, 1985.

²⁰Philip G. Albatch, "Scholarly Publishing In The Third World", dlm. Knowledge Contact, State University of New York, New York, 1987.

Jadual 4.4.4 Perbandingan buku terjual antara buku-buku sastera terbitan DBP Sarawak 1988-1998 dengan buku-buku bidang lain (bukan sastera) dalam tempoh Januari hingga Oktober 2000

PERKARA	BUKU-BUKU SASTERA TERBITAN DBP SARAWAK	BUKU-BUKU BIDANG LAIN (BUKAN SASTERA)
Jumlah judul	19	20
Jumlah keseluruhan buku terjual	709 naskhah	89 naskhah
Purata buku terjual bagi satu judul	37.3 naskhah	4.45 naskhah
Hasil harga jualan keseluruhan – 10% diskaun	RM7,148.25	RM1,559.70

Maka dapat dirumuskan bahawa buku-buku sastera lebih mendapat sambutan masyarakat berbanding buku-buku bidang lain (bukan sastera). Buku-buku sastera juga dalam konteks ini adalah lebih baik kedudukannya berbanding buku-buku bidang lain. Ini berdasarkan;

- i. Jumlah buku-buku sastera terbitan DBP Sarawak 1988-1998 lebih banyak terjual berbanding buku-buku bidang lain (bukan sastera).
- ii. Hasil jualan buku-buku sastera terbitan DBP Sarawak 1988-1998 adalah jauh lebih tinggi berbanding buku-buku bidang lain (bukan sastera).
- iii. Masyarakat lebih cenderung membeli buku-buku sastera terbitan DBP Sarawak 1988-1998 berbanding buku-buku bidang lain (bukan sastera).